



**PENYATA RASMI**  
OFFICIAL REPORT

DEWAN RAKYAT  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

PARLIMEN KETIGA  
*Third Parliament*

PENGGAL PARLIMEN KETIGA  
*Third Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 955]**

**USUL:**

**Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen—Lantikan Semula [Ruangan 979]**

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Instituit Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Pindaan) [Ruangan 982]**

**Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Perusahaan Haiwan Negara (Pindaan) [Ruangan 1020]**

MALAYSIA  
**DEWAN RAKYAT YANG KETIGA**

*Penyata Rasmi*

**PENGGAL YANG KETIGA**

---

Hari Rabu, 2hb Mei, 1973

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

**YANG HADIR:**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, P.M.N., S.P.M.P., J.P., Datuk Bendahara Perak.
- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUN DR ISMAIL AL-HAJ BIN DATUK HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M., P.M.N., S.P.M.J. (Johor Timur).
- Yang Berhormat Menteri Perhubungan, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N., S.P.M.K., S.P.M.J. (Pontian Utara).
- „ Menteri Hal Ehwal Sarawak, TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S., O.B.E., Q.M.C. (Ulu Rajang).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Kelang).
- „ Menteri Pertanian dan Perikanan, TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M., P.N.B.S. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., (Kota Bharu Hulu).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Raub).
- „ Menteri Pelajaran, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S., M.B.E. (Johor Bharu Timor).
- „ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Penerangan, TAN SRI MUHAMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD, S.M.J. (Pontian Selatan).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Menteri Pertahanan, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kemajuan Tanah, TUAN MOHAMED BIN UJANG, A.M.N., P.J.K. (Jelebu-Jempol).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED BIN RAHMAT, K.M.N. (Johor Bahru Barat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Krian Darat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MOKHTAR BIN HASHIM (Rembau-Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pertanian dan Perikanan, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).
- „ DATUK DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., J.M.N., J.M.K., S.M.K. (Tumpat).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SAAID, J.P. (Seberang Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K. (Hilir Perak).
- „ TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K., (Ulu Kelantan).
- „ PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).
- „ TUAN AJAB BIN O. T. UYONG (Labuk Sugut).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., J.S.M., A.M.N., J.P. (Sungei Patani).
- „ DATUK PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.N.B.S., P.B.S. (Julau).
- „ CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).

- Yang Berhormat TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ TUAN AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang-Lawas).
- „ TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).
- „ TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).
- „ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ TUAN CHAN YOON ONN (Ulu Kinta).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban Timor).
- „ TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- „ TUAN VALENTINE COTTER *alias* JOSEPH VALENTINE COTTER (Bau-Lundu).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Uatra).
- „ TUAN V. DAVID (Dato Kramat).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKIUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Kampar).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).
- „ TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).
- „ TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ TUAN HOR CHEOK FOON (Damansara).
- „ TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- „ DATUK KHOO PENG LOONG, P.N.B.S., O.B.E. (Bandar Sibu).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).
- „ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).
- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).
- „ TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).
- „ DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).
- „ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).
- „ TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Darvel).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).

- Yang Berhormat TUAN MOHD. TAHIR BIN HAJI ABDUL MANAN (Kapar).
- „ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL, J.S.M. (Perlis Selatan).
- „ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Pasir Mas Hilir).
- „ TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., J.M.N., D.P.M.J., P.I.S. (Muar Dalam).
- „ TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).
- „ RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, S.M.S., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ DATUK PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).
- „ PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).
- „ TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S. (Muar Pantai).
- „ DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN, P.D.K. (Kuala Kedah).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).
- „ TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ DR A. SOORIAN (Port Dickson).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim-Bandar Bharu).
- „ DATUK TAJUDIN BIN ALI, D.P.M.P., P.J.K. (Larut Utara).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).
- „ TUAN TIBUOH ANAK RANTAI (Rajang).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).
- „ TUAN V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- „ DATUK JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S. (Miri-Subis).
- „ TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).
- „ TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Padawan).

Yang Berhormat TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA  
(Kota Star Selatan).

” TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K.  
(Pasir Mas Hulu).

YANG TIADA HADIR :

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan,  
TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).

Yang Berhormat Menteri Kewangan, TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).

” Menteri Perpaduan Negara, TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N.  
(Sungei Siput).

” Menteri Tak Berpotfolio, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).

” Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR  
BIN BABA (Melaka Utara).

” Menteri Perusahaan Utama, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD,  
P.G.D.K. (Samarahan).

” Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSA  
HITAM (Segamat Utara).

” Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DATUK WAN ABDUL  
KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).

” DATUK HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).

” TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).

” TUAN CHEN KO MING, A.M.N., P.B.S. (Sarikei).

” DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).

” TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).

” TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).

” TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).

” DR LIM CHONG EU (Tanjong).

” DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Sandakan).

” TUAN MOHAMED ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).

” TUAN HAJI MOHD. CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).

” TAN SRI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).

” DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ENSKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N.  
(Trengganu Tengah).

” WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).

” TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O.,  
O.B.E. (Marudu).

” DATUK SRI S. P. SEENIVASAGAM, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P., J.P.  
(Menglembu).

” TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).

” TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).

” TUAN TING MING KIONG (Bintulu).

” TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).

## DOA

(Tuan Yang di Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

### JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

#### PERKECUALIAN ASIA TENGGARA

1. **Tuan V. David** minta Timbalan Perdana Menteri menyatakan keputusan perbincangan yang telah diadakan antara beliau dengan Perdana Menteri Australia mengenai perkecualian Asia Tenggara dan samada Kerajaan bersetuju membatalkan Perjanjian Pertahanan Lima Negara untuk membuktikan sikap Malaysia terhadap perkecualian dan tidak mencero boh.

**Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tun Dr Ismail Al-Haj):** Tuan Yang di Pertua, semasa pertemuan saya dengan Perdana Menteri Australia, kami berbincang banyak perkara-perkara untuk faedah bersama dan berhubung dengan soal pengecualian kawasan Asia Tenggara, Perdana Menteri Australia telah memberi sokongannya yang tidak berbelah bagi pada cadangan tersebut. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum Kerajaan telah menerangkan iaitu apabila pengecualian kawasan ini diterima, Perjanjian Pertahanan Lima Negara akan dibatalkan.

**Tuan Mustapha bin Hussain:** Soalan tambahan. Apabila Perjanjian Pertahanan Lima Negara itu ditamatkan adakah Kerajaan bersama-sama dengan Negara-negara ASEAN bercadang membuat suatu Perjanjian Pertahanan yang baru untuk mempertahankan pengecualian dan kedaamaian di Asia Tenggara?

**Tun Dr Ismail Al-Haj:** Tuan Yang di Pertua, itu soalan lain.

#### TAHANAN DI SARAWAK

2. **Tuan Ng Hoe Hun** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan berhubung dengan kenyataan beliau yang dibuat di dalam persidangan Parlimen yang lalu bahawa ada 66 orang tahanan yang masih lagi ditahan lebih daripada lapan tahun di

dalam khemah-khemah tahanan khas di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri:

- (a) mengapakah mereka ditahan sebegitu lama;
- (b) samada ini menunjukkan kegagalan di pihak-pihak berkuasa yang tertentu;
- (c) samada benar bahawa keputusan yang dibuat oleh Lembaga Penasihat untuk menahan mereka lagi berlawanan dengan nasihat yang diberikan oleh Cawangan Khas;
- (d) samada tindakan-tindakan yang diambil oleh Lembaga Penasihat berseesuaian dengan tindakan yang diambil oleh Cawangan Khas;
- (e) sebab-sebab mereka ditahan lebih lanjut lagi walhal tempoh tahanan mereka telah tamat;
- (f) samada sebab-sebab mereka ditahan berdasarkan kepada maklumat-maklumat yang diberikan oleh pegawai-pegawai Cawangan Khas;
- (g) samada mereka akan ditahan terlebih lama lagi sekiranya mereka enggan menghadirkan diri di hadapan Lembaga Penasihat; dan
- (h) mengapakah mereka enggan hadir di hadapan Lembaga.

**Tun Dr Ismail Al-Haj:** Tuan Yang di Pertua, angka 66 orang tahanan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah angka orang-orang yang ditahan di negeri Sarawak di bawah "The Preservation of Public Security Regulations (Sarawak), 1962". Mereka itu bukan ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960. Mengikut peruntukan-peruntukan di bawah "The Preservation of Public Security Regulations" kes-kes orang-orang tahanan tersebut adalah diulang-kaji dari semasa kesemasa oleh Jawatankuasa Penasihat (Advisory Committee) yang ditubuhkan di bawah undang-undang tersebut. Ulang-kaji itu dibuat oleh Jawatankuasa tersebut samada orang tahanan itu menghadirkan diri atau tidak. Orang-orang yang ditahan itu masih didapati memudaratkan keselamatan awam dan oleh yang demikian mereka itu tidaklah boleh dibebaskan. Oleh itu Perintah Tahanan terhadap mereka adalah dilanjutkan. Saya suka menegaskan iaitu samada seseorang

tahanan itu dibebaskan atau tidak bergantung kepada perakuan-perakuan yang dibuat oleh Jawatankuasa tersebut dan bukan kepada lapuran-lapuran Cawangan Perisikan Polis sahaja.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Sehingga masa sekarang berapa daripada jumlah 66 orang tahanan itu sudah dibebaskan?

**Tun Dr Ismail Al-Haj:** Tuan Yang di Pertua, jawapan saya disediakan berkenaan dengan 66 orang. Kalau yang kurang daripada itu boleh dibuat satu soalan lagi.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Berkenaan dengan soalan 2 (h), seorang tahanan Yang Berhormat Tuan Zulkiflee bin Ismail, Ahli Dewan Undangan Negeri Pahang, apabila hadir di hadapan Lembaga Penasihat, disuruh sains satu memorandum admitting his guilt. Tetapi dia tidak ada guilty dan dia pun tidak pose a threat to the security (keselamatan) negara kita. Dan apabila Ahli Parlimen dari Bandar Melaka dibebaskan, dia tidak sains apa-apa. Oleh itu, bolehkah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri beritahu apa sebabnya Yang Berhormat Tuan Zulkiflee bin Ismail tidak dapat dibebaskan, tetapi Ahli Parlimen dari Bandar Melaka boleh dapat dibebaskan?

**Tun Dr Ismail Al-Haj:** Tuan Yang di Pertua, saya katakan orang-orang yang 66 tadi ditahan di bawah "The Preservation of Public Security Regulations, Sarawak 1962." Daripada Sarawak Ahli Yang Berhormat itu merebak ke Pahang dan ke Melaka. Kalau mendatangkan soalan atas orang-orang yang ditahan daripada Malaysia Barat, boleh saya jawab, tetapi itu tidak kena-mengena dengan soalan yang asalanya.

### TAHANAN POLITIK

**3. Tuan Ng Hoe Hun** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan, memandangkan kepada dasar pimpinan Tun Razak untuk mengadakan perhubungan dengan seberapa banyak negara yang boleh telah mengubah dasar luar negeri kita, misalnya lawatan beliau ke negara-negara Komunis Eropah baru-baru ini telah berjaya dan penubuhan dengan tak secara rasmi perhubungan dengan Cina telah mencipta

persahabatan di peringkat antarabangsa, kecuali kita telah dicemar di dalam Persidangan Guyana, samada Kerajaan akan cuba memulihkan semula keadaan di negeri ini, dan sebagai langkah pertama, dengan menimbang semula kes-kes tahanan-tahanan politik dan mereka yang diperintah buang negeri dengan maksud membebaskan mereka kemudiannya.

**Tun Dr Ismail Al-Haj:** Tuan Yang di Pertua, soalan Ahli Yang Berhormat itu berputarbelit (long-winded) padahal tujuan soalan itu ialah menanya samada Kementerian saya akan menimbang semula kes-kes tahanan politik dan mereka yang dikenakan Perintah Buang Negeri dengan maksud membebaskan mereka kemudiannya. Saya juga tidak nampak sebarang sebab mengapa Ahli Yang Berhormat itu mengaitkan Persidangan Guyana dengan perkara ini. Bagi menjawabnya saya ingin menegaskan bahawa tidak ada orang-orang tahanan politik di negeri ini. Kerajaan menahan orang-orang di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri tahun 1960 atau di bawah "The Preservation of Public Regulations (Sabah and Sarawak), 1962" dengan tujuan mencegah mereka itu daripada melakukan perbuatan-perbuatan dengan apa-apa cara yang memudaratkan keselamatan negara. Seperti yang ditetapkan di bawah undang-undang tersebut kes-kes mereka itu diulangkaji oleh Lembaga atau Jawatankuasa Penasihat (Advisory Board or Advisory Committee). Oleh itu samada mereka akan dibebaskan atau terus ditahan akan bergantung kepada perakuan-perakuan yang dibuat oleh Lembaga atau Jawatankuasa tersebut. Mengenai orang-orang yang dikenakan Perintah di bawah Akta Buang Negeri tahun 1969 Kerajaan sedang menguruskan untuk menghantar mereka itu balik ke negeri asal mereka. Oleh yang demikian Kerajaan tidak akan membebaskan mereka itu.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Tuan Yang di Pertua, soalan saya ada berkaitan dengan Akta Buang Negeri. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ada mengatakan di dalam Persidangan Parlimen yang lalu iaitu kalau orang tahanan hendak pergi ke lain negeri of his or her choice, Kerajaan Malaysia sangat berpuashati menghantar mereka pergi. Apabila seorang tahanan



dalam masa konfrantasi, Cik Aun Swee Lan, warganegara Singapura minta balik ke Singapura, Kerajaan kita tidak boleh hantar dia balik apakah, sebabnya?

**Tun Dr Ismail Al-Haj:** Oleh kerana negeri Singapura tidak mahu menerima dia.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua, berkenaan dengan Akta Buang Negeri lagi. Adakah Kerajaan Malaysia satu rancangan untuk meminda The Banishment Ordinance sebab Akta itu sudah outdated. Kalau tidak, adakah Timbalan Perdana Menteri sedar Akta Buang Negeri sekarang tidak boleh dipakai lagi?

**Tun Dr Ismail Al-Haj:** Itu cuma fikiran dia, fikiran saya berlain.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Terima kasih (*Kerawa*).

#### JALAN PENYAMBUNG DI LUAR BANDAR

**4. Tuan Awang Bungsu bin Abdullah** minta Menteri Kerja Raya dan Tenaga menyatakan samada beliau akan menimbang dengan sesungguhnya soal mengadakan lebih banyak lagi jalan-jalan penyambung di kawasan-kawasan luar bandar di Sarawak untuk faedah rakyat jelata di bawah Rancangan Malaysia Kedua.

**Menteri Kerja Raya dan Tenaga (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong):** Tuan Yang di Pertua, adalah menjadi dasar Kerajaan selama ini untuk mempergiatkan lagi usaha-usaha pembangunan dalam semua bidang termasuklah salah satunya pembangunan jalanraya untuk faedah dan kepentingan rakyat terutama di luar bandar. Rancangan-rancangan ini dilaksanakan dengan secara teratur mengikut tanggungjawab di antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat.

Berdasarkan kepada tanggungjawab yang berbahagi ini jalan-jalan tadi baik di luar bandar ataupun di bandar-bandar akan dibina.

Mengenai pembangunan jalan-jalanraya kecil (*feeder roads*) pula tanggungjawab ini adalah diletakkan kepada Kerajaan Negeri. Saya percaya Kerajaan Negeri Sarawak juga mempunyai rancangan-rancangannya sendiri

untuk memperbanyakkan lagi jalan-jalan kecil di kawasan-kawasan luar bandar untuk faedah rakyat keseluruhannya.

#### PEKERJA ESTET/LOMBONG BIJIH

**5. Tuan V. David** (*di bawah S.O. 24 (2)*) bertanya kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat bilakah penyata Jawatankuasa Bertindak untuk pekerja-pekerja estet dan lombong bijih timah dapat disiapkan dan apakah langkah-langkah berkesan yang hendak dijalankan untuk memperbaiki lagi kehidupan kaum pekerja tersebut.

**Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tan Sri V. Manickavasagam):** Tuan Yang di Pertua, Jawatankuasa Bertugas yang dilantik bagi mengkaji masalah berkaitan dengan kemudahan-kemudahan bagi pekerja-pekerja ladang dan lombong sedang mengemukakan lapurannya kepada Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara. Lapuran itu mengandungi cadangan-cadangan yang konkrit bagi memperbaiki kemudahan-kemudahan pekerja-pekerja di dalam dua jenis perusahaan itu dan ini termasuk kemungkinan rancangan pemilikan rumah sendiri.

Lapuran itu akan ditimbang dahulu oleh Kerajaan dan perkembangan selanjutnya akan diistiharkan tidak lama lagi.

**Tuan V. David:** Tuan Yang di Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat memberitahu Dewan ini bilakah masanya lapuran ini dapat Dewan bahaskan—enam bulankah atau setahun lagi?

**Tan Sri V. Manickavasagam:** Tuan Yang di Pertua, itu terpulanglah kepada Kerajaan.

**Tuan V. David:** Bolehkah kita dapat sebelum pilihanraya akan datang?

**Tan Sri V. Manickavasagam:** Tuan Yang di Pertua, saya fikir tidak sampai masa itu.

#### BIDAN KERAJAAN—KESULITAN

**6. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus** minta Menteri Kesihatan menyatakan samada Kerajaan sedar bahawa bidan-bidan Kerajaan mengalami kesulitan kenderaan dalam menjalankan tugas-tugas mereka di luar kelinik dan adakah Kerajaan bercadang untuk memberi mereka motorsikal.

**Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew):** Tuan Yang di Pertua, pada masa sekarang bidan-bidan Kerajaan yang berkhidmat di luar bandar diberi basikal untuk menjalankan tugas mereka. Kementerian saya sedar bahawa di tempat-tempat di luar bandar basikal itu tidaklah memadai bagi bidan-bidan menjalankan tugas mereka dengan baik. Oleh itu Kementerian saya bersama-sama dengan UNICEF sedang menjalankan satu penyiasatan di mana bidan-bidan Kerajaan diberi motorsikal atau skuter. Adalah didapati skuter tidak sesuai untuk luar bandar dan oleh itu motorsikal yang ringan mungkin lebih sesuai dan sedang dikajikan. Sambil itu bidan-bidan Kerajaan digalakkan memohon pinjaman wang daripada Kerajaan untuk membeli motorsikal supaya dapat digunakan oleh mereka dengan diberi elaun semasa menjalankan tugas mereka.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus:** Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Adakah Yang Berhormat Menteri Kesihatan sedar bahawa cara memberi pinjaman wang untuk bidan-bidan membeli motorsikal dengan cara persendirian adalah tidak memuaskan mereka, kerana tidak memadai dengan pendapatan mereka. Tidakkah Yang Berhormat Menteri bercadang untuk memberi bantuan itu ataupun mengikut contoh yang telah dibuat oleh sebuah negeri yang berjiran dengan kita iaitu meminta bantuan daripada sebuah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu untuk memberi motorsikal kecil yang ringan bagi membolehkan mereka berjalan sampai 20 batu ataupun 15 batu di kawasan yang mereka jagai pada setiap masa.

**Tan Sri Lee Siok Yew:** Tuan Yang di Pertua, Kerajaan telah menggalakkan bidan-bidan itu boleh meminjam wang daripada Kerajaan dan mereka itu adalah diberikan elaun untuk kegunaan minyak dan sebagainya boleh didapati balik daripada Kerajaan. Kerajaan tidak boleh memberi apa-apa bantuan sahaja dengan percuma, jadi tidak boleh dibuat demikian.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus:** Tuan Yang di Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri Kesihatan memberi jaminan bahawa pinjaman mereka untuk membeli motorsikal itu akan mendapat pertimbangan yang sepatutnya bagi maksud yang tersebut?

**Tan Sri Lee Siok Yew:** Tuan Yang di Pertua, saya telah menjelaskan yang pinjaman wang itu telah dijalankan untuk menggalakkan mereka itu untuk meminjam, itu terpulang balik kepada pemohon-pemohon yang berkenaan.

**Tuan Valentine Cotter:** Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Tadi Yang Berhormat Menteri Kesihatan berkata, beliau bersetuju memberi pinjaman wang kepada bidan-bidan ini, adakah ini termasuk Negeri Sarawak?

**Tan Sri Lee Siok Yew:** Tuan Yang di Pertua, barangkali pada masa sekarang ini negeri Sarawak motosikal pun tidak boleh jalan, belum ada, basikal pun tidak boleh jalan, bukan sahaja motosikal. Jadi tunggu-lah pada masa yang akan datang bila jalannya sudah baik, kampungnya sudah baik baharulah boleh menggunakan kenderaan itu.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Tadi Yang Berhormat Menteri berkata motosikal tidak boleh jalan di Sarawak, apa sebabnya? Motosikal mesti boleh jalan, beliau kata motosikal . . . . .

**Tuan Yang di Pertua:** Itu soalan lain. Soalan itu hendak membuang masa sahaja—tidak boleh!

#### ASRAMA BELIA

**7. Tuan Chan Fu King (di bawah S.O. 24 (2))** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan samada beliau mempunyai rancangan jangka panjang untuk membina lebih banyak lagi asrama-asrama belia di seluruh negara kita, dan jika ya, berikan butir-butir.

**Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Hamzah bin Datuk Abu Samah):** Tuan Yang di Pertua, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sendiri mempunyai rancangan jangka panjang untuk membina asrama-asrama untuk belia kerana projek ini adalah termasuk di dalam peringkat kedua Kompleks Pusat Pelbagaiguna Negeri yang mana peringkat pertamanya telah dan sedang dibina di tiap-tiap buah negeri di Malaysia. Di dalam rancangan yang dicadangkan itu 6 buah negeri yang telah mempunyai pusat pelbagaiguna peringkat pertama akan didirikan Asrama Belia ini iaitu di Trengganu, Perlis, Kedah, Perak, Pulau Pinang dan Sarawak.

## BIRO NAKOTIK

**8. Dr Chen Man Hin** minta Peguam Negara menyatakan samada Biro Nakotik telah mengadakan siasatan mengenai jumlah orang-orang yang terlalu ketagih kepada opium dan lain-lain dadah yang lebih keras, dan jumlah penghisap-penghisap marijuana (ganja) dan methaqualone (MX) dan samada pusat rawatan dan pemulihan telah dibentuk bagi menolong penghisap-penghisap dan orang-orang ketagih dadah.

**Tan Sri Lee Siok Yew:** Tuan Yang di Pertua, oleh sebab Pusat Biro Nakotik baharu sahaja ditubuhkan, maka Biro ini belum lagi mengadakan siasatan mengenai jumlah orang-orang yang terlalu ketagih kepada opium dan lain-lain dadah yang lebih keras. Pusat rawatan dan pemulihan khas belum lagi dibentuk, tetapi ini memang ada dalam cadangan Kerajaan untuk membentuknya sekiranya bilangan ketagih-ketagih memperlukannya.

Tetapi walau bagaimanapun, bagi sementara ini ketagih-ketagih dadah dan madat yang berkehendakan rawatan dan pemulihan adalah dilayani oleh Kementerian Kesihatan dan sebilangan kecil ada dirawat di Hospital Bahagia, Tanjong Rambutan, Perak.

**Dr Chen Man Hin:** Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Adakah Menteri yang berkenaan sedar di beberapa sekolah atau di banyak tempat banyak orang nampak murid-murid dan penuntut-penuntut selalu menghisap ganja yakni masalah ini sangat besar, adakah Kerajaan mengambil langkah untuk mengatasi masalah ini?

**Tan Sri Lee Siok Yew:** Ahli Yang Berhormat mengatakan adalah murid-murid sekolah menghisap ganja dan sebagainya. Kalau Yang Berhormat itu tahu sebagai Ahli Parlimen, itu adalah tanggungjawab Yang Berhormat untuk melaporkan perkara itu kepada pihak yang berkenaan.

## PERHENTIAN FERI TAMBAHAN

**9. Tuan Peter Paul Dason** minta Menteri Perhubungan menyatakan:

- (a) samada beliau sedar bahawa ramai penduduk-penduduk di Butterworth disuruh keluar dari tempat kediaman dan tempat perniagaan mereka kerana

tapak tanah itu digunakan bagi membuat satu lagi perhentian feri tambahan dan bahawa pampasan yang ditawarkan kepada mereka oleh Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang tidak memadai dengan mereka ditawarkan sehabis-habis tinggi sewa 4 tahun bagi kawasan-kawasan perniagaan dan sewa 2 tahun bagi tempat-tempat kediaman;

- (b) samada beliau akan campurtangan bagi pihak penduduk-penduduk yang tidak bernasib baik ini oleh kerana Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang adalah mendapat keuntungan yang besar daripada perjalanannya; dan
- (c) samada beliau boleh memberi jaminan bahawa Kementerian beliau pada masa yang akan datang tidak akan menggunakan peruntukan-peruntukan Akta Kawalan Sewa 1966 apabila menyuruh penyewa-penyewa mengosongkan tempat kediaman dan tempat perniagaan mereka untuk melaksanakan projek-projek Kerajaan.

**Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir):** Tuan Yang di Pertua, (a) pihak Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang memerlukan tapak tanah yang disebutkan itu kerana tapak tanah itu adalah sesuai bagi perhentian feri tambahan. Pampasan yang ditawarkan adalah mengikut nilai-nilai pasaran yang dipersetujui.

(b) Saya tidak boleh campurtangan kerana keuntungan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang tidak ada kena-mena dengan nilai tapak tanah itu.

(c) Jika satu-satu projek Kerajaan itu adalah penting bagi semua rakyat dan penting bagi negara saya fikir projek yang demikian itu adalah lebih penting daripada kepentingan-kepentingan perseorangan.

## HOLIDAY MAGIC PROPRIETARY LTD

**10. Tuan Chan Siang Sun** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada beliau sedar bahawa Kerajaan Singapura sedang mengambil langkah untuk membubarkan "Holiday Magic Proprietary Ltd", suatu syarikat yang menjual bahan-bahan solek yang menggunakan peratoran yang dinamakan Pyramid selling system dan jika sedar adakah Menteriannya memikir

kan mengambil langkah yang sama berkenaan dengan bahagiannya di Malaysia ini yang mempunyai ibu pejabatnya di Kuala Lumpur.

**Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tun Dr Ismail Al-Haj):** Tuan Yang di Pertua, Kerajaan sedar bahawa tindakan telahpun diambil oleh Kerajaan Singapura bagi membubarkan syarikat "Holiday Magic Proprietary Limited". Mahkamah di Singapura telahpun mengeluarkan perintah bagi syarikat tersebut dibubarkan. Syarikat Holiday Magic (Malaysia) Sendirian Berhad bukannya cawangan Syarikat Holiday Magic Proprietary Limited. Holiday Magic (Malaysia) Sendirian Berhad adalah sebuah syarikat tempatan yang didaftarkan di bawah peruntukan Akta Syarikat 79/65. Kementerian Perdagangan dan Perindustrian pada masa ini sedang meneliti perjalanan syarikat ini dengan rapinya dan jika didapati perlu satu undang-undang akan digubalkan bagi mengharamkan perjalanan perniagaan "pyramid selling" seperti yang dijalankan oleh syarikat ini. Buat masa ini Kerajaan telahpun menetapkan beberapa syarat terhadap syarikat tersebut. Satu daripada syarat-syarat tersebut ialah pembayaran wang pertaruhan sebanyak M\$276,271.20 kepada Kerajaan.

#### KENAIKAN HARGA BARANG

**11. Tuan Haji Awang Wal bin Awang Abu** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada beliau bercadang untuk menubuhkan suatu Jawatankuasa Pengguna-pengguna untuk menyiasat kenaikan harga barang-barang terutama sekali beras di Sarawak.

**Tun Dr Ismail Al-Haj:** Tuan Yang di Pertua, Kerajaan sudah pun menubuhkan satu Jawatankuasa Penasihat Harga (Price Advisory Committee) untuk mengkaji keadaan harga pasaran dan menasihatkannya di atas dasar-dasar harga. Jawatankuasa ini yang diwujudkan di bawah kuatkuasa ordinan kawalan harga terdiri daripada wakil-wakil dari semua gulungan termasuk wakil daripada Persatuan-persatuan Pengguna. Oleh kerana keadaan di Malaysia Timur adalah berlainan sedikit daripada keadaan di Semenanjung Malaysia, maka Jawatankuasa-jawatankuasa kecil telah ditubuhkan di Negeri-negeri Sabah dan Sarawak.

Untuk membolehkan Jawatankuasa ini memainkan peranannya dengan lebih berkesan lagi, maka kedudukan ahli-ahlinya akan dikaji semula dan bidang rujukan tertentu (specific terms of reference) diberi kepada Jawatankuasa tersebut. Oleh yang demikian, saya rasa tidaklah perlu untuk menubuhkan Jawatankuasa pengguna yang berasingan untuk menyiasat soal kenaikan harga yang berlaku sekarang.

#### NO-MAN'S LAND

**12. Tuan Haji Shafie bin Abdullah** bertanya kepada Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas adakah Kerajaan bercadang hendak membersihkan hutan-hutan di sepanjang sempadan (No-man's land) antara Malaysia dengan Thailand yang terkena kepada sempadan Negeri-negeri Perlis, Kedah, Perak dan Kelantan.

**Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kemajuan Tanah (Tuan Mohamed bin Ujang):** Tuan Yang di Pertua, sebenarnya hakikat "No-man's land" tidak ada sama sekali kerana garis sempadan di antara Malaysia dan Thailand telah ditentukan mengikut kemuncak-kemuncak banjaran gunung dan sungai-sungai yang ditentukan mengikut perjanjian tahun 1909. Dengan itu cadangan untuk membersihkan hutan-hutan di sepanjang sempadan Thailand/Malaysia ini adalah tidak praktik dan akan memakan masa, tenaga dan perbelanjaan yang sangat besar. Namun demikian, Kerajaan Malaysia dan Thailand sedang bekerjasama dan dalam proses untuk meletakkan batu-batu sempadan di sepanjang sempadan kedua-dua negara ini.

#### SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN CINA— PENDAFTARAN

**13. Tuan Chan Fu King** minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar bahawa ramai ibubapa di Petaling Jaya yang ingin menghantar anak-anak mereka ke Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina seringkali terpaksa mendaftarkan nama anak mereka di Sungai Way dan Kuala Lumpur dan samada beliau mempunyai apa-apa rancangan untuk membina lebih banyak lagi Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina di Petaling Jaya untuk kemudahan mereka; jika ya, berikan butir-butirnya.

**Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran (Tuan Mohamed bin Rahmat):** Tuan Yang di Pertua, saya sedar ada kanak-kanak daripada Petaling Jaya yang belajar di Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina di Sungai Way dan di Kuala Lumpur.

Pada masa ini ada 5 buah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) di Petaling Jaya dan di kawasan sekitarnya iaitu:

- (i) SRJK (C) Chen Moh, Petaling Jaya.
- (ii) SRJK (C) Yuk Chai, Kampung Chempaka, Sungai Way.
- (iii) SRJK (C) Kampung Baru, Sungai Way.
- (iv) SRJK (C) Kampung Baru, Damansara.
- (v) SRJK (C) Yuk Chyun, Petaling Jaya.

Kementerian Pelajaran tidak ada rancangan untuk membina sekolah-sekolah baru, kecuali menggantikan bangunan sementara SRJK (C) di Kampung Chempaka, Sungai Way. Dengan pembinaan bangunan yang baru ini bilangan tempat untuk murid-murid belajar akan ditambahkan lagi.

**Dr Tan Chee Khoon:** Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Tadi Setiausaha Parlimen yang berkenaan menyatakan di Petaling Jaya ada 5 buah Sekolah Rendah Cina. Jika 5 buah sekolah ini tidak cukup untuk murid-murid yang hendak memasuki darjah satu, mengapakah Kementerian Pelajaran tidak mahu membina sekolah rendah untuk mengambil atau memberi peluang kepada murid-murid yang hendak memasuki sekolah rendah Cina?

**Tuan Mohamed bin Rahmat:** Saya kata tadi, bagi membina sekolah-sekolah baharu tidak ada, tetapi kita akan menggantikan satu bangunan baharu bagi Sekolah Rendah Kebangsaan Cina di Kampung Chempaka, Sungai Way. Dan saya sebutkan juga tadi bahawa bangunan baharu ini akan menampung lebih ramai lagi murid-murid yang ingin belajar di Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina.

#### PIALA THOMAS

**14. Tuan Loh Jee Mee** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan samada Kementerian ini telah mengambil

langkah-langkah untuk mencari sebab-sebab rendahnya mutu permainan pasukan Piala Thomas kita semasa berlawan dengan Negeri Thai dalam Perlawanan Terakhir Kawasan Asia yang diadakan di Bangkok baru-baru ini.

**Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Hamzah bin Datuk Abu Samah):** Tuan Yang di Pertua, lapuran telah diterima daripada pegawai-pegawai dan pengurus berkenaan dengan permainan pasukan kita di pertandingan Badminton Zon Asia yang akhir dan Kementerian adalah mengkaji, menganalisa akan lapuran ini, mencari sebab-sebab kenapa pasukan kita telah kalah di pertandingan tersebut.

**Tuan Mustapha bin Hussain:** Tuan Yang di Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan sedar sebab yang utama yang merendahkan permainan-permainan pasukan kita di luar negeri baik di dalam negeri ialah ketiadaan semangat "killer instinct" di dalam permainan kita. Kalau sedar, apa tindakan yang akan diambil untuk memasukkan semangat ini?

**Datuk Hamzah bin Datuk Abu Samah:** Ini bukan soalan!

**Tuan Yang di Pertua:** Saya pun berfikir itu bukan soalan. Lapuran itu sedang disiasat.

#### HALIA DI SARAWAK—TANAMAN

**15. Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong** minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk menggalakkan pengeluaran halia di Sarawak.

**Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pertanian dan Perikanan (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar):** Tuan Yang di Pertua, tanaman halia adalah satu daripada tanaman-tanaman yang termasuk di dalam Sekim mempelbagaikan pertanian di Sarawak. Saya suka menarik perhatian Ahli Yang Berhormat itu bahawa harga bagi hasil tanaman halia sangat mudah dipengaruhi oleh turun-naik harga pasaran. Oleh hal yang demikian, Kerajaan Negeri Sarawak hanya akan menggalakkan petani-petani menanam halia apakala harganya baik dan pasaran baginya senang.

## KELAPA SAWIT—TANAMAN

16. **Tuan Edmund Langgu anak Saga** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan bolehkah rancangan menanam kelapa sawit dimulakan di Daerah Kalaka di Sarawak.

**Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Penerangan (Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie):** Tuan Yang di Pertua, boleh atau tidak ini bergantung kepada siasatan research dan sebagainya berkenaan dengan kesesuaian tanah dan cuaca dan selanjutnya. Tetapi pada masa ini FELDA atau apa-apa badan Kerajaan Pusat tidak ada cadangan untuk memulakan rancangan menanam kelapa sawit di daerah Kalaka, Sarawak kerana sudah ada pihak berkuasa di peringkat negeri Sarawak yang menjalankan projek yang seumpama itu.

## LADA HITAM—PENGELUARAN

17. **Tuan Andrew Mara anak Walter Unjah** minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan sejauh manakah Kerajaan Persekutuan telah melibatkan dirinya dari segi kewangan dalam membantu memajukan tanaman, pengeluaran dan pasaran lada hitam Sarawak.

**Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar:** Tuan Yang di Pertua, Kerajaan Persekutuan telah mengambil berat berkenaan dengan tanaman dan pasaran pengeluaran utama lada hitam. Pengeluaran lada hitam diseluruh Malaysia dalam tahun 1971 adalah sebanyak kira-kira 26,000 tan, iaitu 94% daripadanya dikeluarkan di Negeri Sarawak dan selainnya dari Semenanjung Malaysia kebanyakannya di Johor. Kawasan pengeluaran adalah ditaksirkan sebanyak 18,000 ekar, 16,000 daripadanya di Sarawak dan 2,000 ekar di Semenanjung Malaysia. Hasil lada hitam ini kebanyakannya bagi eksport yang dijual sebagai bahan mentah yang tidak diproses ke Singapura.

Memandangkan kejadian yang demikian Kerajaan Pusat telah mengadakan Sekim Pemasaran Lada Hitam yang diuruskan oleh sebuah Perbadanan yang dibentuk oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan ditubuhkan dalam tahun 1971. Rancangan Pemasaran Lada Hitam yang ditadbirkan oleh sebuah Lembaga telah dilaksanakan

kawalan dengan cara perlesenan pembeli-pembeli, penjual-penjual dengan pengeksport-pengeksport lada hitam yang menentukan serta mempersiapkan peringkat-mutu lada hitam Malaysia bagi maksud eksport. Lembaga itu telah membuka pejabatnya di Kuching, Sarikei, Simanggang dan Sibu dan sedang membina Pusat-pusat memperingkat-mutu dan memproses lada hitam di Kuching, Sarikei dan Johor Bahru.

Perbelanjaan yang diperuntukkan bagi menjamin pengeluaran dan kemudahan pemasaran lada hitam ialah tidak termasuk usaha MARDI di dalam penyelidikan lada hitam, sebagai berikut:

Pada tahun 1972 pemberian bantuan tanaman Kerajaan Persekutuan telah memberi sebanyak \$1 juta dan bagi tahun 1973 di dalam pemberian bagi bantuan tanaman Kerajaan Persekutuan telah memberi sebanyak \$3.4 juta dan daripada segi pemasaran Kerajaan Persekutuan telah menguntukkan wang sebanyak \$3 juta dan bagi tahun 1973 sahaja Kerajaan Persekutuan telah menguntukkan sebanyak Rancangan Lima Tahun \$1 juta.

Di bawah Projek Kerjasama Sarawak MARDI peruntukan sebanyak \$68,000 telah disediakan bagi penyelidikan tanaman, tapan benih dan kawalan penyakit lada hitam.

**Tuan Edmund Langgu anak Saga:** Tuan Yang di Pertua, adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang berkenaan itu menyatakan betul atau tidak lada yang bermutu rendah dari Indonesia terutama sekali dari Pulau Beletong telah dicampurkan dengan lada Sarawak bila sampai di Singapura, jadi itu sebabnya harga lada Sarawak turun dalam beberapa tahun yang lepas?

**Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar:** Tuan Yang di Pertua, inilah sebabnya yang Lembaga Pemasaran Lada Hitam akan mengadakan untuk memperingkat dan mempersiapkan pengeluaran-pengeluaran lada hitam diakui oleh Lembaga Pemasaran Lada Hitam.

## KETUA BADAN-BADAN SUKAN—LANTIKAN

18. **Tuan Loh Jee Mee** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan

mengapakah ketua bagi hampir-hampir setiap pertubuhan sukan di negara kita adalah seorang Menteri termasuk seorang yang berada 10,000 batu jauh sebagai Duta Malaysia ke Amerika Syarikat.

**Datuk Hamzah bin Datuk Abu Samah:** Tuan Yang di Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat maklum badan-badan sukan adalah badan yang bebas mempunyai Perlembagaan sendiri dan didaftarkan di bawah Undang-undang Pendaftaran Badan-badan Pertubuhan. Jadi terpulanglah kepada pertubuhan sukan sendiri memilih siapa sahaja yang disukainya menjadi ketua, tinggal lagi kalau sekiranya badan sukan itu berpendapat ketua yang 10,000 batu jauhnya boleh menguruskan pertubuhan itu; itu adalah terpulang kepada badan yang berkenaan.

#### MAX FACTOR/AJENSI J. L. MORISON—PERTIKAIAN

**19. Tuan Chan Fu King** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada beliau sedar bahawa pertikaian industri di antara 23 orang pesolek Max Factor dan Ajensi J. L. Morison di Petaling Jaya atas keengganan pihak ajensi untuk mengiktirafkan Kesatuan Pesolek-pesolek, dan jika ya, adakah Kementerian beliau mengambil tindakan supaya menyelesaikan perkara ini dengan adil.

**Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tan Sri V. Manickavasagam):** Tuan Yang di Pertua, soal itu telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kampar pada 19hb April semasa membahaskan Titah Ucapan Diraja. Rakan saya Timbalan telahpun memberi jawapan mengenai perkara ini dengan jelas apabila beliau menjawab pandangan-pandangan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat semasa perbincangan Titah Ucapan Diraja. Disebabkan oleh perkara ini telah dijawab dengan jelasnya maka tidak perlulah lagi bagi saya menerangkan perkara itu selanjutnya.

#### ABSENTEE LANDLORDISM

**20. Dr Tan Chee Khoon** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas menjelaskan kenyataan yang mengatakan bahawa Kerajaan akan menghapuskan keadaan absentee landlordism (tuan-tuan

punya tanah tidur) dan memberi hak ketuanan kepada orang yang mengusahakan tanah.

**Tuan Mohamed bin Ujang:** Yang sebenarnya, Tuan Yang di Pertua, Kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri itu dahulu ialah bagi menerangkan bahawa perbelanjaan Kerajaan untuk pembangunan seperti di kawasan Kemubu, adalah bertujuan supaya keuntungan daripada rancangan itu dinikmati oleh peladang-peladang yang berusaha sendiri di tanah-tanah itu, dan tidak oleh tuan-tuan tanah yang mendapat faedah dengan jalan sewa. Seperti yang telah diterangkan di dalam jawapan kepada soalan bilangan (13) pada 13-4-73 berhubung dengan soal daripada Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka suatu penyelidikan sosial dan ekonomik sedang dijalankan di kawasan Muda, di Negeri Kedah, sungguhpun bagi Negeri Kelantan penyelidikan seperti itu belum diaturkan lagi. Apabila selesai, diharapkan penyelidikan ini akan menunjukkan, di antara lain-lain, setakat manakah perkara tuan tanah tidur menjadi faktor yang menyekat pengusaha-pengusaha tanah itu daripada mencapai taraf hidup yang memuaskan.

**Dr Tan Chee Khoon:** Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Bolehkah Setiausaha Parlimen yang berkenaan menerangkan bukannya tujuan Kerajaan Pusat untuk menghapuskan absentee landlordism atau tuan tanah yang tidur? Kalau itu ialah tujuan Kerajaan Pusat, bolehkah beliau menerangkan dengan seberapa ringkasnya langkah yang Kerajaan akan ambil untuk mencapai tujuan itu?

**Tuan Mohamed bin Ujang:** Tuan Yang di Pertua, sebagai yang saya terangkan tadi, satu penyelidikan sedang diadakan di kawasan Muda dan apa-apa juga tindakan masa hadapan berkenaan dengan soal ini akan diambil berdasarkan dengan keputusan penyelidikan.

**Dr Tan Chee Khoon:** Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Bolehkah Setiausaha Parlimen yang berkenaan memberitahu kepada Dewan ini bilakah penyelidikan yang sekarang dijalankan di kawasan Muda itu boleh siap dan bilakah lapuran itu akan dibentangkan di dalam Dewan ini?

**Tuan Mohamed bin Ujang:** Tuan Yang di Pertua, soal asal tadi ialah meminta penjelasan berkenaan dengan kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri, dan ini adalah soal lain.

### PERMIT KERJA BAGI FILIPINO

**21. Tuan Yeoh Teck Chye** bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri samada benar lebih kurang 25,000 orang Filipino bekerja di Sabah dengan permit kerja, dan jika ya, samada beliau akan menimbang menggantikan mereka dengan warganegara Malaysia oleh sebab bertambah besarnya masalah pengangguran.

**Tan Sri V. Manickavasagam:** Tuan Yang di Pertua, adalah tidak benar bahawa 25,000 orang Filipino di Sabah telah diberi permit Kerja di bawah Perbekalan Akta Sekatan Kerja, 1960. Sehingga bulan Mac, 1973 jumlah 4,984 permit kerja sahaja adalah dipegang oleh pekerja-pekerja di Sabah. Dari jumlah ini kira-kira 2,500 permit dipegang oleh pekerja-pekerja Filipino tinggal tetap di Sabah. Kebanyakan daripada mereka bekerja di ladang-ladang dan kem-kem balak.

### RADIO/TALIVISIYEN—SALURAN PARTI POLITIK

**22. Tuan Hor Cheok Foon** minta Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Penerangan menyatakan samada beliau bercadang untuk membenarkan ahli-ahli parti politik Pembangkang menggunakan perkhidmatan-perkhidmatan radio dan talivisyen supaya rakyat jelata dapat mendengar pandangan-pandangan mereka berhubung dengan perkara-perkara nasional.

**Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di Pertua, soal ini dibuat dahulu dan sudah pun dijawab, tetapi sekali lagi biarlah saya menyatakan bahawa pada masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk menggunakan Radio dan Talivisyen sebagai alat untuk menyalurkan pandangan-pandangan parti politik.

### BIASISWA KURSUS PERUBATAN

**23. Tuan Chan Fu King** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kesihatan menyatakan memandang kepada hal bahawa Malaysia

kekurangan lebih kurang 200 orang doktor-doktor samada Kerajaan akan menimbang:

- (a) bagi mengadakan biasiswa-biasiswa kepada penuntut-penuntut Malaysia yang meminati untuk belajar Ilmu Perubatan yang mana mereka-mereka ini difahamkan akan mengikat kontrak untuk berkhidmat di negeri ini untuk tempoh lebih kurang lima tahun selepas tamat pengajian mereka; dan
- (b) sementara itu, untuk mengambil bekerja doktor-doktor dari India, suatu negara rakan dan jiran negara kita daripada pergi jauh sampai ke Eropah.

**Tan Sri Lee Siok Yew:** Tuan Yang di Pertua, soalan pertama Ahli Yang Berhormat itu amatlah menghairankan kerana telah diketahui umum bahawa Kerajaan sejak beberapa masa yang lalu lagi telahpun memberi biasiswa-biasiswa untuk pelajar-pelajar mengikuti Kursus Perubatan. Pada masa ini ada seramai 253 pemegang biasiswa yang sedang mengikuti Kursus Perubatan.

Mengenai soalan kedua, sebenarnya pada masa ini pun Kementerian Kesihatan ada mengambil Pegawai-pegawai Perubatan bukan sahaja dari India, bahkan Sri Lanka, Republik Arab Mesir, Burma, Korea Selatan, Pakistan dan Indonesia. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, bilangan Pegawai-pegawai Perubatan dari India yang berkhidmat di Malaysia pada masa ini ialah 78 orang.

Di antara doktor-doktor asing yang berkhidmat di Malaysia, Warganegara India-lah yang paling ramai sekali. Bilangan doktor-doktor asing berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan pada masa ini adalah seperti berikut:

India	...	...	...	78
Sri Lanka	...	...	...	10
Republik Arab Mesir	...	...	...	45
Burma	...	...	...	13
Korea Selatan	...	...	...	11
Pakistan	...	...	...	24
Indonesia	...	...	...	30

**Dr Tan Chee Khoon:** Adakah Menteri Kesihatan sedar oleh sebab kekurangan tempat untuk mahasiswa-mahasiswa belajar ilmu perubatan di fakulti-fakulti universiti



kita, bolehkah Menteri Kesihatan mencadangkan menghantar penuntut-penuntut kita ke luar negeri untuk belajar ilmu perubatan dengan biasiswanya?

**Tan Sri Lee Siok Yew:** Tuan Yang di Pertua, sekolah perubatan di Universiti Malaya akan meluaskan rancangannya pada masa akan datang; bila saya menjawab perbahasan dalam Titah Diraja saya telah menjawab dengan jelasnya.

Mengenai soalan yang kedua, ini memanglah satu rancangan yang baik tetapi pada masa sekarang ini saya harap biasiswa-biasiswa daripada negeri-negeri yang berkenaan akan memberikan kepada penuntut-penuntut yang sesuai untuk mempelajari perubatan di seberang laut.

**Dr Tan Chee Khoon:** Soalan tambahan. Adakah Menteri Kesihatan sedar bahawa beliau menyatakan tadi tempat di Fakulti Perubatan Universiti Malaya akan ditambah, pada pendapat saya semua boleh ditambah daripada 128 hingga 160 sahaja, maknanya boleh ditambah 32 tempat sahaja? Adakah Menteri Kesihatan sedar bahawa tempat yang lebih 32 itu, itu pun tidak mencukupi? Oleh sebab itu Kementerian Kesihatan perlu mencari tempat lain untuk mahasiswa-mahasiswa kita mempelajari ilmu perubatan di luar negeri.

**Tan Sri Lee Siok Yew:** Ya, Tuan Yang di Pertua, Kementerian saya sedang mengkaji bolehkah memberikan lebih biasiswa lagi kepada penuntut-penuntut kita yang mahir untuk mempelajari perubatan di seberang laut.

**Dr Tan Chee Khoon:** Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Adakah Menteri Kesihatan sedar bahawa di Fakulti Perubatan, Universiti Malaya ada hampir 80 mahasiswa-mahasiswa daripada Malaysia tiap-tiap tahun memasuki Fakulti Perubatan di Universiti Singapura. Jika beliau sedar, bolehkah Kementerian Kesihatan menimbangkan untuk memberi bantuan atau biasiswa kepada mereka yang belajar ilmu perubatan di Universiti Singapura?

**Tuan Yang di Pertua:** Ini soalan lain.

**Tuan Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Menteri Kesihatan kita tadi

saya ingin membuatkan tambahan adakah benar ada rancangan Kementerian ini hendak mengambil doktor-doktor daripada negeri Eropah, daripada blok komunis. Kalau benar setakat mana kemajuan ini telah kita buat kepada Kementerian ini.

**Tan Sri Lee Siok Yew:** Tuan Yang di Pertua, setakat ini Pegawai Kanan Kementerian Kesihatan telah berhubung dengan negeri-negeri di Eropah Timur pada masa bulan yang lepas dan saya harap satu hasil akan didapati lebih kurang dalam bulan Jun atau bulan Julai tahun ini.

**Tuan Luhut Wan:** Tuan Yang di Pertua, adakah benar separuh daripada doktor-doktor yang datang daripada luar negeri yang sedang bertugas di Malaysia sekarang mereka ini separuh hanya pandai bertutur sahaja, akan tetapi melaksanakan pekerjaannya tidak berapa pandai? Adakah betul atau tidak?

**Tuan Yang di Pertua:** Itu soalan lain.

#### PEMBATIK KELANTAN DAN TRENGGANU

**24. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan apakah usaha yang dibuat bagi mengatasi masalah kekurangan kain putih yang dialami oleh pembatik-pembatik di Kelantan dan Trengganu. Nyatakan samada keadaan ini disebabkan oleh Kilang Kain MARA tidak memperuntukkan kain dengan mencukupi dan apakah langkah-langkah yang diambil supaya keadaan ini tidak berlaku lagi.

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob):** Tuan Yang di Pertua, Perbadanan Pemasaran Batik Bumi-putra Berhad, iaitu sebuah syarikat anjuran MARA akan mengimpot kain putih daripada berbagai jenis dari bulan April hingga September tahun ini untuk mengatasi kekurangan kain-kain putih dalam negeri. Tempahan-tempahan tertentu telahpun dibuat dengan firma-firma dari luar negeri.

Pada masa yang lepas, pengeluaran kain putih Kilang Kain MARA adalah mencukupi di mana lebih kurang separuh daripada pengeluarannya adalah dibekalkan kepada Perbadanan Pemasaran Batik Bumiputra

Berhad untuk pembatik-pembatik dan baki-nya adalah dijual secara perjanjian kontrak kepada firma-firma lain. Pengeluaran ini didapati telah tidak mencukupi baru-baru ini disebabkan permintaan kain putih dikalangan pembatik-pembatik telah bertambah dengan banyaknya. Mereka yang biasa mendapat bekalan daripada Perbadanan telah menambahkan lagi keperluan mereka dan mereka yang tidak pernah mendapat bekalan dari Perbadanan dahulu telah datang kepada Perbadanan untuk mendapatkan bekalan kain putih mereka. Oleh kerana permintaan itu telah meningkat tinggi dengan secara mengejut, maka tidaklah dapat Perbadanan atau Kilang Kain MARA membekalkan kain putih dengan mencukupinya kerana permintaan yang begitu banyak adalah di luar dugaan kedua-dua syarikat tersebut.

Bagi mengatasi masalah kekurangan kain putih di negara ini pada masa akan datang, persediaan tertentu adalah sedang diambil oleh MARA untuk menambahkan lagi pengeluaran kainnya. Oleh kerana persediaan bagi menambahkan pengeluaran tersebut akan memakan masa untuk dilaksanakan, MARA akan terus mengimpot kain-kain putih bagi menampung kekurangan yang sedang dialami oleh pembatik-pembatik sekarang.

**Dr Tan Chee Khoon:** Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Bolehkah Timbalan Menteri yang berkenaan menjelaskan mengapakah kita terpaksa mengimpot kain putih daripada luar negeri, jika sekiranya kilang-kilang kain lain boleh mengeluarkan kain putih?

**Tuan Haji Mohamed bin Yaacob:** Tuan Yang di Pertua, kilang-kilang lain saya diberi faham tidak mengeluarkan kain putih.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus:** Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri bagi pihak Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sehingga bilakah kain putih ini akan dapat dipenuhi oleh pihak kilang-kilang kain MARA dan tidak mengimpot lagi?

**Tuan Haji Mohamed bin Yaacob:** Tuan Yang di Pertua, jawapan ini sudah pun diberi dalam jawapan yang asal.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus:** Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa ada berlaku kekecohan di setengah tempat iaitu di Kelantan ataupun di Trengganu di mana pembuat-pembuat kain batik yang tidak memasuki persatuan adalah payah untuk mendapatkan kain putih? Adakah Yang Berhormat Menteri sedar dan apakah perjalanan untuk mengatasi masalah itu?

**Tuan Haji Mohamed bin Yaacob:** Tuan Yang di Pertua, perkara ini saya tidak sedar.

#### CALUN-CALUN M.C.E./S.P.M. 1972— GAGAL

**25. Tuan Chan Fu King** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah bilangan calun-calun peperiksaan M.C.E./S.P.M. 1972, sehingga hari ini,

- (i) yang telah gagal seluruh peperiksaan;
- (ii) yang mendapat sijil G.C.E. tetapi gagal dalam peperiksaan, bukan kerana kegagalan matapelajaran Bahasa Malaysia; dan
- (iii) yang gagal peperiksaan M.C.E./S.P.M. kerana kegagalan matapelajaran Bahasa Malaysia dan yang diberi peluang mengulangi persekolahan bagi setahun lagi; dengan memberi angka-angka yang berasingan untuk tiap-tiap kategori yang berlainan; dan menjelaskan sebab-sebab peraturan keutamaan yang ada untuk masuk semula ke sekolah yang memberi keutamaan kepada pelajar-pelajar yang gagal dalam kesemua sambilan matapelajaran dan bukan kepada calun yang mendapat kepujian (*distinctions*) dalam lapan matapelajaran tetapi gagal dalam peperiksaannya kerana gagal dalam Bahasa Malaysia.

**Tuan Mohamed bin Rahmat:** Tuan Yang di Pertua,

- (i) Bilangan calun yang gagal terus dalam peperiksaan M.C.E./S.P.M. bagi tahun 1972 dan tidak mendapat Sijil Am atau G.C.E. ialah:

M.C.E.	...	...	3,620
S.P.M.	...	...	3,465

- (ii) Bilangan calon yang mendapat G.C.E. tetapi gagal dalam peperiksaan M.C.E./S.P.M. bagi tahun 1972 dan kegagalan itu bukan disebabkan oleh kegagalan dalam Bahasa Malaysia ialah:

M.C.E.	...	...	3,111
S.P.M.	...	...	3,943

- (iii) Bilangan permohonan yang diterima setakat 25hb April, 1973 ialah 11,695, iaitu 3,653 untuk S.P.M. dan 8,042 untuk M.C.E.

Mengenai peraturan mengulang semula sebagaimana yang disebutkan oleh ahli Yang Berhormat itu, saya suka menyatakan bahawa peraturan itu telahpun dipinda dengan membolehkan semua yang gagal itu mengulang semula.

## USUL

### JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PARLIMEN—LANTIKAN SEMULA

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Ali bin Haji Ahmad):** Tuan yang di Pertua, sebelum saya mengemukakan usul yang terdiri atas nama Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, sukalah saya hendak mengingatkan dalam Dewan ini bahawa mengikut amalan yang dipakai oleh Parlimen kita sekarang, semua Jawatankuasa yang dilantik oleh Dewan dalam satu-satu tempoh Parlimen itu akan tamat dengan sendirinya apabila Parlimen itu dihentikan (prorogued). Jadi dalam tempoh satu penggal Parlimen itu Jawatankuasa yang dilantik belum dapat atau sempat melapurkan balik kepada Parlimen dalam tempoh tersebut, maka Jawatankuasa itu tidaklah dapat berbuat apa-apa kecuali ia dilantik semula oleh Parlimen dalam tempoh kemudiannya.

Dewan mungkin ingat bahawa dalam persidangannya pada Penggal Kedua pada 19hb Mei, 1972, ia telah mengambil ketetapan menubuhkan sebuah Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai Filem Yang Mendatangkan Persoalan. Jawatankuasa Pilihan Khas ini mengandungi 18 orang Ahli Dewan ini dan telah mengadakan 12 kali mesyuarat. Walaupun demikian Jawatankuasa ini belum sempat menyediakan satu laporan yang penuh hanya mengemukakan laporan sementara kepada Dewan ini pada 5hb Disember, 1972 sebagai Kertas D.R. 5

Tahun 1972. Oleh kerana perkara filem yang mendatangkan persoalan telah mendapat perhatian Dewan dan juga orangramai, maka perlulah Jawatankuasa yang lama itu menjalankan terus tugas-tugas dan seterusnya menyediakan satu laporan yang lengkap untuk dikemukakan kepada Dewan ini, dan ini hanya boleh diperbuat sekiranya Dewan ini melantik Jawatankuasa Pilihan Khas itu semula. Maka bagi maksud ini, saya sukalah hendak membawa usul seperti berikut:

Bahawa mengikut kehendak-kehendak Peraturan 81, Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat, Dewan ini melantik semula sebuah Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen dan diberi tugas yang berikut sebagai menyambung tugas-tugas dalam Penggal yang lalu—

- (a) menyasiat dan mendapat buah fikiran orangramai dengan secara lisan atau bertulis dan mengkaji sedalam-dalamnya samada filem-filem yang menjadi soalan kerana menyentuh fahaman dan nilai moral beberapa lapisan golongan rakyat patut diteruskan penyangannya kepada orangramai;
- (b) mengemukakan laporan dan perakuan kepada Dewan ini setelah mengadakan perbincangan dan perundingan; dan
- (c) apabila membuat perakuan-perakuan Jawatankuasa ini hendaklah juga menimbang akibat-akibat penayangan filem-filem itu terhadap aspek-aspek sosial, moral, kebudayaan dan ekonomi negara.

Bahawa Jawatankuasa Pilihan Khas ini hendaklah terdiri dari Ahli-ahli yang berikut yang dilantik semula:

- (i) Y.B. Tuan Haji Mohamed bin Yaacob, sebagai Pengerusi;
- (ii) Y.B. Tuan Musa bin Hitam, Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian;
- (iii) Y.B. Tuan Lee Seck Fun;
- (iv) Y.B. Tan Sri Syed Nasir bin Ismail;
- (v) Y.B. Dr Awang bin Hassan;
- (vi) Y.B. Tuan Hussain bin Haji Sulaiman;
- (vii) Y.B. Tuan Chan Siang Sun;

- (viii) Y.B. Tuan T. S. Gabriel;
- (ix) Y.B. Puan Bibi Aishah binti Hamid Don;
- (x) Y.B. Pengiran Tahir bin Pengiran Patera;
- (xi) Y.B. Tuan Latip bin Haji Dris;
- (xii) Y.B. Tuan Peter Paul Dason;
- (xiii) Y.B. Tuan Loh Jee Mee;
- (xiv) Y.B. Tuan Haji Yusof bin Haji Abdullah *alias* Haji Yusof Rawa;
- (xv) Y.B. Tuan Mohd. Daud bin Abdul Samad;
- (xvi) Y.B. Tuan Luhah Wan;
- (xvii) Y.B. Datuk Sri S. P. Seenivasagam;
- (xviii) Y.B. Tuan Yeoh Teck Chye.

Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk Abdul Samad bin Idris):** Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut kehendak-kehendak Peraturan 81, Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat, Dewan ini melantik semula sebuah Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen dan diberi tugas yang berikut sebagai menyambung tugas-tugas dalam Penggal yang lalu:

- (a) menyiasat dan mendapat buah fikiran orang ramai dengan secara lisan atau bertulis dan mengkaji sedalam-dalamnya samada filem-filem yang menjadi soalan kerana menyentuh fahaman dan nilai moral beberapa lapisan golongan rakyat patut diteruskan penayangannya kepada orang ramai;
- (b) mengemukakan laporan dan perakuan kepada Dewan ini setelah mengadakan perbincangan dan perundingan; dan
- (c) apabila membuat perakuan-perakuan Jawatankuasa ini hendaklah juga menimbang akibat-akibatnya penayangan filem-filem itu terhadap aspek-aspek sosial, moral, kebudayaan dan ekonomi negara.

Bahawa Jawatankuasa Pilihan Khas ini hendaklah terdiri dari Ahli-ahli yang berikut yang dilantik semula:

- (i) Y.B. Tuan Haji Mohamed bin Yaacob, sebagai Pengerusi;
- (ii) Y.B. Tuan Musa bin Hitam, Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian;
- (iii) Y.B. Tuan Lee Seck Fun;
- (iv) Y.B. Tan Sri Syed Nasir bin Ismail;
- (v) Y.B. Dr Awang bin Hassan;
- (vi) Y.B. Tuan Hussain bin Haji Sulaiman;
- (vii) Y.B. Tuan Chan Siang Sun;
- (viii) Y.B. Tuan T. S. Gabriel;
- (ix) Y.B. Puan Bibi Aishah binti Hamid Don;
- (x) Y.B. Pengiran Tahir bin Pengiran Patera;
- (xi) Y.B. Tuan Latip bin Haji Dris;
- (xii) Y.B. Tuan Peter Paul Dason;
- (xiii) Y.B. Tuan Loh Jee Mee;
- (xiv) Y.B. Tuan Haji Yusof bin Haji Abdullah *alias* Haji Yusof Rawa;
- (xv) Y.B. Tuan Mohd. Daud bin Abdul Samad;
- (xvi) Y.B. Tuan Luhah Wan;
- (xvii) Y.B. Datuk Sri S. P. Seenivasagam;
- (xviii) Y.B. Tuan Yeoh Teck Chye.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG INSTITIUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pertanian dan Perikanan (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar): Tuan Yang di Pertua, Institiut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia telah dilancarkan pada 28hb Oktober, 1969.

Dalam masa dua tahun yang lepas kegiatan-kegiatan Institiut ini adalah diarahkan kepada dua bahagian:

- (a) menentukan dan menyediakan kemudahan-kemudahan penyelidikan, pengambilan kakitangan, menentukan dan

mengatasi halangan-halangan dan memperkuat segala keperluan untuk membangunkan satu Organisasi yang cekap bagi mengisi kehendak penyelidikan pertanian negara;

- (b) meneruskan dan memperkuat lagi projek-projek penyelidikan yang telah diambil alih dari Jabatan Pertanian dan juga memulakan projek-projek baru, mengikut keadaan kakitangan dan kemudahan-kemudahan, bagi memberi hasil-hasil atau jawapan-jawapan yang dikehendaki terutama sekali oleh petani-petani dan mengikut apa yang dimaktubkan dalam Akta MARDI.

MARDI telah mengaturkan kegiatan-kegiatan untuk mencapai matlamat bagi jangka pendek untuk menyediakan teknologi pertanian yang baru bagi kemajuan pembangunan pertanian untuk peladang-peladang yang kecil dan besar, dengan itu mengukuh dan meluaskan lagi asas ekonomi negara di samping menambah bukan sahaja pendapatan dan peluang-peluang ekonomi kepada peladang-peladang kecil, tetapi juga dapat mewujudkan lebih banyak peluang-peluang kerja bagi rakyat Malaysia yang berada di dalam keadaan yang tidak memuaskan usaha-usaha mereka yang berasaskan pertanian. Penyelidikan MARDI oleh hal yang demikian itu ialah terhadap pengeluaran hasil pertanian yang lebih tinggi daya pengeluarannya dari pilihan baka-baka benih yang baik serta jenis-jenis tanaman sayuran-sayuran dan buah-buahan untuk menggantikan impot dari luar negeri.

MARDI juga menjalankan kegiatan-kegiatan mendidik dan melatih pakar-pakar pertanian menjalankan tugas-tugas dengan memuaskan menerusi biasiswa dan pemberian-pemberian wang untuk latihan. MARDI juga telah menjalankan kegiatan-kegiatan untuk memberikan sokongan penyelidikan yang perlu kepada rancangan-rancangan pertanian yang dianjurkan oleh Kerajaan atau badan-badan Kerajaan seperti Lembaga Kemajuan Pertanian Muda, Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu, Rancangan Kelapa Sawit dan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan dan sebagainya.

Beberapa pindaan dibuat kepada Akta Instituti Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia, 1969 itu yang diasaskan

daripada pengalaman Instituti semenjak ia bergerak bagi memperkukuh Organisasi pentadbirannya.

Pindaan di bawah Fasal 2 ialah pindaan kepada Seksyen 5 untuk mengubah perwakilan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dengan perwakilan Kementerian Perusahaan Utama sebagai satu penyesuaian dengan tugas-tugas Kementerian ini. Kesempatan juga diambil untuk memasukkan perwakilan dari Kementerian Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan dengan tujuan memperbaiki lagi penyelarasan yang boleh dilakukan antara usaha-usaha penyelidikan oleh MARDI dengan penyelidikan-penyelidikan oleh Instituti Penyelidikan Sains dan Perusahaan Negara.

Pindaan di bawah Fasal 3 meluaskan tugas-tugas Lembaga Pengelola MARDI di bawah Seksyen 6 supaya dimasukkan tugas bagi menentukan dan menguntukkan pemberian-pemberian bantuan kepada pertumbuhan-pertumbuhan lain untuk menjalankan penyelidikan dan juga mengeluarkan biasiswa, hadiah dan pemberian pelajaran yang akan dibiayai oleh Instituti ini.

Fasal 4 bertujuan untuk meminda Seksyen 8 dengan menyusun semula ahli-ahli Majlis Sains Instituti Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia. Pindaan ini juga menentukan kuasa lantikan ahli-ahli Majlis Sains yang diberikan kepada Menteri yang berkenaan.

Fasal 5 meminda Seksyen 9 kerana pindaan yang dicadangkan di bawah Fasal 3.

Fasal 6 ialah pindaan yang berikut untuk menentukan tugas menyimpan rekod Persidangan-persidangan Majlis Sains sebagai tanggungan Instituti.

Akhirnya, Fasal 7 yang meminda perenggan 2 di bawah Jadual kepada Akta menentukan quoram Lembaga Pengelola Instituti sebanyak 4 orang ahli.

Tuan Yang di Pertua, saya pohon Rang Undang-undang bagi meminda Akta Instituti Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia, 1969 dibaca kali yang kedua.

**Menteri Hal Ehwal Sarawak (Tan Sri Temenggong Jugah anak Barieng:** Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Luhut Wan (Baram):** Tuan Yang di Pertua, sebelum saya melanjutkan ucapan saya mengenai Rang Undang-undang yang bernama Rang Undang-undang Instituit Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Pindaan) ini, saya memberikan setinggi-tinggi tahniah kepada Menteri Pertanian oleh kerana Rang Undang-undang ini telah dibawa ke mari untuk diperbahaskan dalam Dewan Rakyat kita ini.

Tuan Yang di Pertua, perkara yang saya anggap perlu untuk dibawa ke mari untuk pandangan Yang Berhormat Menteri Pertanian iaitu mengenai keadaan peladang-peladang di Malaysia Timur khususnya di Negeri Sarawak oleh kerana kebanyakan peladang-peladang di Malaysia Timur iaitu di Negeri Sarawak ialah sekarang mengikut cara-cara yang lama iaitu extensive system. Saya berharap supaya pihak Kerajaan Malaysia, dapat memberi bantuan dan memberi peraturan yang patut kepada peladang-peladang itu supaya mereka itu dapat dipujuk agar mereka dapat diberi tunjuk ajar yang sesuai mengikut cara-cara moden iaitu intensive system.

Dan juga perlu bagi pihak yang berkuasa untuk memberi tunjuk ajar kepada mereka itu mengenai bagaimana cara-cara mempergunakan baja-baja ataupun insecticide yang menolong mereka untuk memelihara ladang-ladang mereka yang hanya bergantung kepada pertanian di luar bandar. Oleh kerana pada masa ini, kalau mengikut lapuran dari Agriculture Department Negeri Sarawak kebanyakan kawasan ataupun daerah dalam negeri itu adalah mempunyai acidity yang begitu tinggi. Maka terpaksalah peladang-peladang menggunakan baja yang dinamakan C.I.R.P. (Christmas Island Rock Phosphate) yang mana dapat menolong dan memperbaiki tanah itu.

Pada masa ini, kalau saya tidak salah, baja C.I.R.P. (Christmas Island Rock Phosphate) ini sangat kurang di Sarawak. Oleh kerana itu, jika Kerajaan dapat menubuhkan satu kilang di Sarawak supaya menolong petani-petani di luar bandar itu supaya mereka dapat membeli baja C.I.R.P. (Christmas Island Rock Phosphate) ini dengan begitu murah sahaja supaya mereka mendapat hasil yang lebih baik daripada yang sudah mereka dapat pada masa ini dan juga baja yang digunakan di Sarawak sekarang untuk peladang-peladang yang

menanam padi. Masa dahulu kebanyakan peladang-peladang telah menggunakan baja amorphous supaya menolong padi mereka dapat hasil yang banyak yang lebih tinggi lagi. Akan tetapi mereka tidak berapa mampu membeli ataupun mengambil cukup untuk ladang padi mereka supaya mereka dapat memperbaiki hasil pertanian mereka itu. Jadi saya meminta dari pihak Kerajaan supaya pihak Kerajaan mengambil pandangan yang berat lagi supaya Kerajaan dapat membantu ataupun menolong petani-petani di luar bandar itu supaya memberi subsidy kepada petani-petani yang di luar bandar supaya mereka dapat mengambil baja-baja yang digunakan oleh mereka itu dengan harga yang murah ataupun dengan percuma dari Kerajaan.

Yang kedua, saya merayu kepada Kerajaan dapat membuat banyak lagi leaflets ataupun tunjuk ajar kepada mereka itu mengenai cara-cara bagaimana menggunakan baja ataupun pesticide yang mereka dapat pakai untuk menolong mereka mendapat banyak hasil lagi dari ladang-ladang mereka.

Saya mendapat komplek dari peladang-peladang dari luar bandar mengenai racun tikus yang dikatakan soregza. Dahulu peladang-peladang di luar bandar sentiasa diberi racun tikus yang bernama Zinc Phosphate. Zinc Phosphate ini sangat merbahaya, maka oleh kerana itu ditukarkan lagi, mereka dibiarkan memakai soregza. Tetapi mengikut lapuran yang dilapurkan oleh peladang-peladang di luar bandar bahawa tikus tidak didapati mati bila mereka memasang umpan-umpan atau racun di dalam ladang. Oleh kerana itu, jikalau pihak Instituit itu dapat memberi satu racun yang bisa sedikit daripada soregza ini supaya membunuh tikus-tikus yang sentiasa menyerang ladang padi mereka itu supaya mereka dapat hasil yang lebih baik lagi. Dan juga sangat perlu seperti kata saya tadi pihak Kerajaan memberi instruction bagaimana menggunakan pesticide oleh kerana peladang-peladang di luar bandar mereka itu tidak diberi tunjuk ajar dengan sejelajelasnya oleh pihak pertanian di negeri Sarawak. Dahulu ramai orang komplek mengenai pesticide yang bernama agroside ataupun agrocide dust, agrocide disposable kerana banyak tumbuhan-tumbuhan yang dapat dibunuh ataupun mati kalau agrocide

disposable ataupun agroicide dust ini digunakan di dalam ladang. Jadi daripada menolong peladang-peladang itu supaya membanyakkan hasil daripada ladang mereka malangnya mereka telah memberi racun itu bagi membunuh timun-timun dan ketua-ketua yang ditanam dalam ladang mereka oleh kerana agroicide dust dan agroicide disposable. Sepatutnya sebelum mereka menggunakan pesticide itu mereka haruslah diberi tahu dahulu bagaimana cara-cara menggunakan pesticide ini supaya jangan membunuh tanaman-tanaman mereka itu bagi memakai pesticide itu dan juga saya meminta Kerajaan supaya menolong peladang-peladang di luar bandar seperti di Bario sekarang. Dengan itu barang-barang mereka dapat dijual ke luar negeri dari Bario seperti buah limau dan juga barang-barang yang lain, akan tetapi oleh kerana transport dan hal pengangkutan sangat sukar maka haruslah badan yang bertanggungjawab ini sebagai MARDI menyelidiki atas perkara ini dengan telitinya supaya bantuan dapat diberi kepada peladang-peladang yang jauh khususnya di ulu-ulu sungai di Sarawak.

**Tuan Latip bin Haji Dris (Mukah):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong suatu Akta bagi meminda Akta Instituit Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia, 1969, yang dibentang di hadapan kita sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, harapan kami dengan adanya pindaan ini, maka segala jenis pertanian di negeri ini dapat dikawal dengan sempurna serta memberi hasil yang lebih baik lagi kepada sebilangan besar rakyat negara ini yang bergantung kehidupannya kepada hasil pertanian, begitu juga sebahagian dari hasil pendapatan cukai yang dipungut oleh Kerajaan samada cara langsung atau tidak adalah bergantung kepada hasil pertanian.

Di sini ingin juga saya menyentuh sedikit keadaan tepung sagu di Negeri Sarawak satu daripada hasil pertanian negeri itu yang diexport ke luar negeri dan juga sebahagian daripada makanan kebanyakan rakyat Malaysia dari suku-suku bumiputra di Sarawak, terutamanya di kawasan saya. Dengan memandang keadaan tepung sagu itu sekarang seperti diketahui tidak ada kawalan daripada pihak-pihak yang berkenaan bagi menentukan gred-gred atau

memperjeniskan gred untuk diexport ke luar negeri terutamanya ke negeri Jepun. Rakyat di kawasan saya berasa tidak puas hati oleh sebab gred-gred samada yang dikatakan No. 1 atau No. 2 dan seterusnya hanya ditentukan oleh pihak pembeli tepung itu sahaja. Begitu juga bagi harga tepung tersebut kalau saya tidak silap seperti yang disiarkan selalu oleh Radio Malaysia Sarawak iaitu \$6.80 pada satu pikul tepung No. 1 dan yang No. 2 tentulah kurang daripada harga tersebut.

Mengikut apa yang saya tahu setakat ini iaitu tepung yang bermutu baik berharga hampir \$15 sepikul f.o.b. Tanjung Mani, Sarawak. Oleh itu, saya bagi pihak rakyat di kawasan saya khasnya merayu kepada Instituit ini yang bakal dilantik mencari satu jalan bagi mengatasi perkara yang saya terangkan ini supaya tepung sagu dapat dijamin bagi mutunya serta dengan harga yang berpatutan. Walaupun tepung sagu pada masa ini dibebaskan daripada cukai expotnya, ianya juga tidak kurang penting bagi mendapat tukaran mata wang asing bagi memperkukuhkan ekonomi negara ini pada keseluruhannya. Bagi rakyat Malaysia di negeri Sarawak tidak kurang daripada 20,000 orang kebanyakannya yang bergantung kepada hasil pertanian kebun-kebun sagu. Di samping itu juga untuk mengelakkan supaya rakyat yang berkenaan tidak menjadi mangsa kaum-kaum pemodal yang memproses tepung tersebut yang mengambil untuk berlebihan.

Tuan Yang di-Pertua, Sarawak bolehlah dikatakan salah satu negeri pertanian di dalam Malaysia. Walaupun jika dibanding luas kawasan tanahnya yang masih lagi banyak. Juga penduduk-penduduk di negeri itu, lebih 60% daripada 1 juta penduduk di Sarawak berharap dengan hasil pertanian mengikut cara lama yang bergantung dengan kerja mengguna tenaga sendiri.

Tanaman yang penting bagi keperluan rakyat Malaysia di Sarawak ialah padi. Walaupun telah ada projek taliair dan sebagainya cara yang kecil-kecil dibuat oleh pihak Kerajaan, tetapi beras masih berkekurangan, hampir separuh daripada keperluan negeri itu masih dibawa daripada luar negeri.

Perkara ini, saya rasa tidak begitu di sedari oleh pihak-pihak yang berkenaan ialah oleh sebab sebahagian daripada kaum-kaum

bumiputra baik di kampung-kampung atau rumah-rumah panjang tidak berkehendakkan nasi pada tiap-tiap hari. Mereka boleh makan sagu atau ubi kayu dan sebagainya. Apatah lagi seperti sekarang ini banyak kawasan di luar bandar harga beras sampai \$3.20 satu gantang iaitu beras dari negeri Cina atau Kedah.

Saya berharap beras jangan naik lagi daripada harga yang ada sekarang. Kita juga berdoa dan berharap kepada kecekapan Institiut nanti segala jenis tanaman yang penting terutamanya bagi makanan rakyat negara ini dapat diatasi dengan jangka masa yang pendek, bagi membasmi kemiskinan sebilangan besar rakyat yang bergantung kepada pertanian samada di Semenanjung Malaysia mahupun di Sarawak dan Sabah bagi mencapai cita-cita Kerajaan seperti yang terkandung di dalam Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Yang di Pertua, mengenai baja-baja untuk pokok lada juga menjadi satu masalah di Sarawak sekarang, seperti yang saya telah difahamkan dengan adanya bermacam-macam jenis baja untuk pokok lada yang dijual di seluruh kedai di negeri Sarawak yang dikatakan semuanya baik belaka. Nampaknya boleh merusakkan tanaman pokok lada apabila penanam lada yang berkenaan menggunakan dua atau tiga jenis baja tersebut yang menyebabkan pokok-pokok lada itu gugur daun dan juga gugur buah-buah lada yang masih muda serta didapati tanah di pohon lada itu pun menjadi rusak disebabkan oleh baja-baja yang dipakai dengan bermacam jenis. Saya berharap perkara seperti ini diambil perhatian oleh Institiut yang akan bertanggungjawab supaya segala penerangan mengenai kegunaan baja-baja itu diberi tahu dengan jelasnya kepada penanam-penanam lada yang tidak begitu faham bagi menggunakannya. Dan pihak-pihak yang menjual juga bertanggungjawab yang sama apabila mereka menjual baja-baja seperti yang saya katakan itu. Bagi mengelakkan supaya tidak disalahgunakan oleh penanam-penanam lada ataupun jenis tanaman-tanaman yang lain.

Tuan Yang di Pertua, masalah memajukan pertanian secara moden adalah salah satu masalah yang penting bagi negara kita. Saya berharap ahli-ahli daripada Kementerian Perusahaan Utama dan Kementerian Teknologi, Penyelidikan dan sebagainya

dapat mempergiatkan lagi di bidang penyelidikan serta dapat memajukan segala jenis pertanian yang rakyat Malaysia kira-kira lebih kurang 50% dari 10 juta jiwa rakyat Malaysia bergantung kepada hasil pertanian pada masa ini. Lebih-lebih lagi pada masa hadapan yang rakyat negara ini iaitu beliawanis-beliawanis berdikari di bidang pertanian dan saya berharap Institiut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian ini boleh menimbangkan supaya pekebun-pekebun kecil sagu diberi bantuan seperti membuat parit, menyambung anak-anak sungai ke kawasan kebun sagu yang jauh dari ulu-ulu sungai bagi mengurangkan kesulitan rakyat yang berkenaan untuk mengeluarkan lompong-lompong sagu mereka itu ke sungai yang besar.

Akhirnya, Tuan Yang di Pertua, begitu juga saya berharap supaya lebih ramai lagi belia-belia atau beliawanis-beliawanis dari negeri Sarawak yang berkebolehan diberi peluang menuntut di Universiti Pertanian bagi memajukan lagi di bidang pertanian di negeri Sarawak khasnya dan di Malaysia umumnya.

**Tuan Haji Ahmad bin Arshad (Muar Utara):** Tuan Yang di Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Pindaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada Kementerian Pertanian dan Perikanan.

Saya cuma hendak bercakap dalam beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian waktu mengemukakan Rang Undang-undang ini, bahawa petani-petani dan peladang-peladang kita di masa yang lalu telah menanam pokok-pokok, samada buah-buahan dan sayur-sayuran, buah-buahan dan pokok-pokok yang tidak mempunyai ekonomi yang tidak memberi faedah yang besar pada dirinya. Jadi, dengan adanya Institiut ini saya mengharapkan bahawa kajian yang hendak dibuat itu dengan bersungguh-sungguh. Pertama sekali kita mesti mengkaji buah-buahan yang luar negeri, sekiranya sesuai boleh ditanam dalam negeri ini. Kemudian daripada itu diadakan benih-benih yang diedarkan kepada peladang-peladang dan petani kita.



Yang kedua, dalam negeri kita ini juga kaya dengan buah-buahan. Ini juga patut kita buat kajian supaya buah-buahan ini yang sesuai yang boleh diproses dan diperkilangkan, itulah yang kita biakkan untuk kegunaan petani-petani dan peladang-peladang dan boleh juga kita hantarkan benih-benih itu keluar negeri ini.

Satu perkara lagi dalam masaalah hendak menyuruh petani-petani kita ini berusaha dalam bidang pertanian moden dengan menggunakan teknologi ini, Kementerian-kementerian yang ada kaitan dengan tanaman ini hendaklah ada kerjasama. Saya tengok dalam Rang Undang-undang ini telah mencantumkan 3 Kementerian-kementerian Pertanian dan Perikanan, Kementerian Perusahaan Utama dan Kementerian Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan. Perkara ini satu perkara yang sangat diharapkan oleh petani-petani kita, kerana di masa yang lalu, Tuan Yang di Pertua, pertanian ini hanya dibebankan kepada Kementerian Pertanian dan Perikanan sahaja dan kemajuan itu tidak dapat dijalankan dengan begitu sempurna.

Dalam masaalah yang saya hendak sentoh ini, Tuan Yang di Pertua, kalau hendak bertanam apa juga jenis tanaman yang dikeluarkan oleh MARDI, tetapi tanah itu seperti saya katakan, Kementerian Tanah juga Kementerian Pertanian dan Perikanan hendaklah memberikan kerjasama, tanah yang sesuai, kalau tanah itu tidak sesuai ditanamkan, maka kita boleh tegah petani-petani kita daripada meneruskan usaha ini. Juga dalam masaalah banjir, kalau petani-petani kita menanam di tempat selalu di landa banjir, ini satu masaalah yang merunsingkan mereka, satu masaalah yang menggagalkan rancangan perbadanan ini. Jadi, saya mengharapkan dalam usaha hendak melancarkan tanaman-tanaman moden ini, kawasan-kawasan perairan yang telah dibersihkan yang telah ada parit dan taliair itulah juga yang patut kita usahakan dahulu dan kalau tempat itu tidak ada patutlah Kerajaan mengeluarkan peruntukan yang istimewa bagi meneruskan rancangan ini, sebab kalau dengan adanya banjir, Tuan Yang di Pertua, segala usaha tidak dapat dijalankan bahkan petani kita dan Kerajaan juga merasa kerugian.

Selain daripada itu, MARDI ini juga patut menyesuaikan baja-baja, sebagaimana yang dicakapkan oleh rakan sejawat saya, sebab petani-petani ini, Tuan Yang di Pertua, kurang alim dalam masaalah pertanian ini. Dia mengharap dengan ada baja itu pokoknya subur, buah-buahnya akan dapat memberi puashati, tetapi malangnya bila mana dibubuh baja-baja ini bukan sahaja subur, pokok-pokok itu mati, terus tidak berbuah.

Selain daripada itu, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian telah menyatakan hendak membanyakkan sayur-sayuran dalam negeri ini dan hendak membanyakkan tanaman-tanaman buahan yang ada dalam negeri ini, saya sangat dukacita, Tuan Yang di Pertua, petani-petani dan peladang-peladang kita telah menanam sayur-sayuran macam-macam jenis sayur yang sesuai, tetapi malangnya bila hendak dijual sayur itu tidak ada mempunyai pasaran yang baik. Umpamanya, saya contohkan dalam kawasan saya, di Tangkak itu satu kawasan yang paling masyhur di Malaysia ini mengeluarkan sawi, boleh keluar satu hari 5-6 lori. Tetapi malangnya bila sawi-sawi itu dijual ke Singapura satu bakul laku dengan harga \$5. Jadi dalam masaalah yang macam ini, kalau sawi ini tidak boleh dijual mentah, kita cari ikhtiar, kita jerok sawi ini, samada dijerok masin atau dijerok jemur dan kita sekat sawi-sawi daripada luar negeri itu. Begitu juga, kobis dalam negeri ini sesuai kita tanam, tetapi malangnya kita hendak kobis daripada luar negeri. Ini satu masaalah yang merunsingkan petani-petani kita. Begitu juga buah-buahan, Tuan Yang di Pertua, bila musim buah-buahan kadang-kala petani-petani kita menjualkan buah-buahan, umpama limau atau rambutan. Rambutan, Tuan Yang di Pertua, satu pikul dijual \$6—rambutan kawin, rambutan moden—benih itu dikeluarkan daripada Jabatan ini. Satu pikul \$6 atau \$7, Tuan Yang di Pertua, upah orang petek satu pikul \$2, hendak beli baja dan upah kerja lagi. Jadi dengan keadaan yang macam itu kalau kita tidak kawal dan jaga, petani-petani kita tidak mahu mengusahakan pertanian kerana tidak menguntungkan dia. Jadi apa yang saya harapkan, Tuan Yang di Pertua, MARDI cari ikhtiar dan jalan, buah-buahan yang macam ini jangan kita jual mentah, kita proses masukkan dalam tin supaya petani dan negara kita akan untung.

Satu lagi, Tuan Yang di Pertua, dalam Kementerian Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan telah membuat satu usaha mengkaji buah petai dan jering. Buah petai dan jering itu dalam kajian itu bukan sahaja boleh dimakan, tetapi boleh dijadikan ubat yang boleh mencegah penyakit-penyakit yang merbahaya seluruh dunia ini, tetapi malangnya dengan tidak ada kerjasama daripada Kementerian yang berkenaan, setakat kajian sahaja, setakat mana kemajuan jering dan petai ini boleh dibuat ubat dan boleh diproses, cuma kita beritahu rakyat, ketika diisytiharkan jering itu boleh jadi ubat, Tuan Yang di Pertua, di pasaran, di tanahair kita, di Kampung Baharu ini jering yang dahulu kita beli 10 sen dapat 10 mata, harganya naik menjadi satu mata 5 sen. Jadi kita tidak mahu bahan-bahan mentah kita makan sahaja, kita buat satu kajian daripada jering yang banyak dalam tanahair kita, kita galakkan peladang-peladang supaya menanam jering dan petai dengan berleluasan. Kita jualkan petai ini bukan sahaja boleh makan mentah, boleh kita jadikan ubat, bukan sahaja boleh digunakan oleh rakyat di Malaysia ini boleh digunakan seluruh dunia ini, sebab jering dan petai ini bukan semua negeri dalam dunia ini boleh menanam, Tuan Yang di Pertua; di tanah Arab tanamlah jering, dia tidak hidup. Jadi bahan-bahan yang ada dalam tanahair kita ini kaya, MARDI mesti cergas dalam masalah mengeluarkan bahan-bahan yang seumpama ini yang memberi munafaat kepada rakyat Malaysia dan juga kepada dunia. Kalau kita cuma buat kajian dan penyelidikan dan isytihar kepada dunia kita ada jering ajaib, kita ada petai ajaib, sekarang ada buah mukjizat pula. Ini semua perkara-perkara yang cuma melegakan fikiran, menyenangkan fikiran, tetapi tidak memberi kesan yang berfaedah kepada rakyat dan kepada petani-petani kita. Saya harap buah mukjizat itu jangan dinamakan buah mukjizat, ditukarkan dengan nama yang lain, sebab mukjizat itu satu sifat yang terkhas kepada Rasul-rasul. Ini kononnya ada buah mukjizat pula. Tukarkan buah ini kepada nama lain, jangan dinamakan mukjizat. Sebab mukjizat terbitnya daripada tangan manusia yang dijadikan rasul, tidak ada rasul selain daripada Nabi Muhammad. Sekarang zaman Kerajaan Malaysia ada pula buah mukjizat di tanahair

kita ini, saya harap buah itu tidak apa, biar dia ada, tetapi namanya tidak usah mukjiza.

Setakat itulah pandangan-pandangan saya dalam masaalah ini dan saya menyokong penuh bahawa segala penyelidikan yang dibuat oleh MARDI ini supaya dapat dirumuskan, diberi kepada Kementerian yang berkenaan, samada Kementerian perkilangan, Kementerian kerjasama, Kementerian Tanah. Dengan itu akan dapat menafaat oleh peladang-peladang dan petani-petani kita.

**Tuan Mohd. Tahir bin Abdul Majid (Kuala Langat):** Tuan Yang di Pertua, saya juga mengambil kesempatan untuk bercakap sepatah dua kata di atas Akta ini.

Pada pendapat saya, daya usaha bagi pihak Kementerian ini adalah baik dan saya rasa keseluruhan rakyat menyokong dengan sepenuhnya. Tetapi ada satu dua perkara yang patut Kementerian ini mengambil perhatian yang berat sesudah penyelidikan dijalankan, sesudah dapat hasil yang baik, hasil yang memuaskan di atas cara penyebaran hasil penyelidikan ini, siapakah yang akan dapat menikmati hasil daripada penyelidikan itu?

Di dalam ucapan mengemukakan Rang Undang-undang daripada Setiausaha Parlimen Kementerian yang berkenaan, menekankan hasilnya itu kebanyakan akan dapat kepada pekebun-pekebun kecil. Di atas istilah pekebun-pekebun inilah yang saya sangat kluatir sejauh manakah pekebun kecil ini yang dikatakan pekebun-pekebun kecil. Dan bagaimanakah istilah pekebun yang besar, pekebun yang sedang, pekebun-pekebun kecil ataupun di bawah daripada pekebun-pekebun kecil. Hasil yang akan diselidiki di dalam penyelidikan ini yang telah lalu kebanyakannya menggunakan hasil penyelidikan ini ialah kepada pekebun-pekebun yang lebih daripada 100 ekar ke atas yang mana mereka ini semua tahu menggunakan dan menjayakan serta mengerjakan segala hasil penyelidikan yang disebarkan itu kerana di dalam penyelidikan itu akan menggunakan banyak cara-cara teknik, teknologi dan sebagainya. Bagaimana pula kedudukan pekebun-pekebun kecil yang tidak ada mempunyai pengetahuan di dalam serba-serbi kelengkapan ilmu pengetahuan mengenai cucuk tanam jauh sekali di dalam teknologi yang menggunakan berbagai-bagai

ubat campuran untuk menggunakan keadaan itu. Maka di situlah yang saya berharap kepada Akta yang akan kita luluskan ini benar-benar akan menyampaikan segala penyelidikan ini kepada pekebun-pekebun yang berkehendakkan segala nasihat-nasihat. Satu perkara yang patut diambil perhatian berat ialah apabila penyelidikan ini berhasil dan telah disebarkan kepada pekebun-pekebun sekalian, maka sudah barang tentulah pengeluaran akan bertambah.

Ahli Yang Berhormat rakan sejawat saya Ahli dari Muar Utara tadi telah menyuarakan pemasaran yang akan menjadi kerumitan bagi kita. Oleh yang demikian, satu rangka yang patut disendikan di dalam Akta ini supaya menentukan, mengadakan pemasaran iaitu jikalau dapat diteruskan dengan feasibility kalau ada pemasaran di luar, maka barang itu baharulah boleh kita meneruskan segala penyelidikan kita untuk membanyakkan pengeluarannya. Jikalau tidak ada pasaran di luar daripada negara kita, maka barang-barang itu haruslah ditangguhkan buat sementara, ataupun dibekukan buat sementara waktu, kerana pengeluaran-pengeluaran pada hari ini yang banyak, maka sudah barang tentu harga barang itu akan merosot dan tidak dapat memuaskan bagi pihak pengeluar iaitu pak-pak tani kita sekalian.

Di dalam Akta ini perenggan 4 (i) ada menyatakan bahawa tidak lebih dari tiga orang daripada perusahaan pertanian. Saya berharap tiga orang ini akan dimasukkan ke dalam Akta ini pada masa yang akan datang agar betul-betul dari petani-petani sekalian seumpama daripada Persatuan Peladang, daripada Persatuan Belia dan daripada persatuan-persatuan yang lain. Maka dengan adanya keadaan ini, segala siberan am itu dapat kita meluaskan daripada apa yang kita telah selidiki.

**Datuk James Wong Kim Min (Miri-Subis):** *(Dengan izin)* Mr Speaker, Sir, MARDI has a very important function to perform in the development of our nation provided MARDI does its work well. I am sure that the intention behind this Bill is a very good one, i.e. in order to streamline the various organisations, but I cannot help, Mr Speaker, Sir, in going through the various Bills which have been introduced in this particular Session, in noting that there may be a danger here of

duplication of functions. Secondly, there is a danger here again that there may not be a continuity of any organisation which has been set up and later on not being divided again into other organisations.

Mr Speaker, Sir, I brought this up because of the gradual diffusion of this organisation into different fields. In fact, one gentleman from the Agricultural Department has explained to me that in the past the Agricultural Department used to be fully responsible for the agricultural development sector, but now what they have done is, "first, they have taken our hat, then they took our coat, next they took our shirt, next they took our trousers, and now we are left with very little, if there is anything, to do". Now, this is a point, Sir, I would like to stress, that an organisation like MARDI is a very professional organisation in the sense that it is an organisation which can only be run by professional people who know their job and who know the people they are going to deal with because in a research organisation they not only deal with the plants themselves, they deal with the people and the soil and so many factors that go to make the research a success. In this particular field, Sir, I am rather disturbed to note that only three members would come from the agricultural sector. This is an Agricultural Research Department and I feel that one must decide exactly what are the functions of MARDI.

There is a little muddled thinking here. MARDI is here to do research on agricultural crops, but what agricultural crops, Sir? Agricultural crops cover such a wide field. For instance, in Malaysia today we have two or three types of crops which have been planted. One, we have the permanent crops such as oil palm, rubber—these are permanent crops and these have been planted by big estates and investors in the country. The other one, I would classify as semi-permanent crops, and they are more in the cash crop sector really—crops like pepper and possibly cocoa and crops of that class, i.e. the cash crops. Then we have the other annual crops, such as vegetables and potatoes and other crops which are consumed daily.

Now what MARDI must do is to decide which particular sector of the crops it is really going in for. Now the thing that worries me and other Honourable Members here is

what MARDI is given a very, very tall order here to do agricultural research in all sectors. But MARDI must have the objectives right. Which particular sector is MARDI going to do research. That is question number one. Question number two is, where are the priorities? What are the particular sectors? For instance, when MARDI has decided on whether it is going to do research on the semi-permanent crops or the annual crops, which particular type of the annual crops—pepper or cocoa or other crops—is MARDI going to concentrate on? Now this is very important. Otherwise what happens is that it will become “Jack of all trades and master of none” and nothing will be properly done.

Mr Speaker, Sir, let me illustrate my point. In Sarawak, since MARDI has been established—I think it was in 1969—roughly about 3½ years ago, what has been done in the research of pepper foot-rot disease in Sarawak and for that matter in Peninsular Malaysia? I was rather appalled when I went the other day to find out exactly how many plant pathologists we have in Sarawak. Don't forget, Sir, that Sarawak is the size of the whole Peninsular Malaysia—50,000 square miles—and we have all kinds and varieties of diseases there, but what has happened there? There are only two, I believe, plant pathologists in Sarawak and there is one gentleman over there who is doing plant pathology job when he is, in fact, a chemist. Now this is the point which I was trying to bring up, that if MARDI is going to do its job properly, then MARDI must be given the support of more money for more staff to do the job properly and, finally, MARDI also must decide actually what, as I said just now, are its objectives and what are its priorities. But having set up its objectives and priorities, then MARDI must go on a sustained research on that particular programme and not sort of touch here a little, touch there a little and in the end nothing is done.

I am very appalled, Sir, that while we are making a subsidy this year, I think, of \$3 million for a Pepper Subsidy Scheme in Sarawak, if you travel in Sarawak among the pepper gardens there in the various Divisions, one would find patches of pepper vines dying away from foot-rot disease. Now this is the danger. There we are, the the nation is investing millions of dollars in pepper and yet

the research is only being done by two plant pathologists. I ask the Honourable Minister to bear in mind this case in point.

The other point which I would like to bring up here is this. On the organisation, as I said earlier on, I would like to see this organisation staffed by professional men. Again when one talks of professional men, the priorities must be right. If MARDI is going into research into annual crops, into semi-annual crops, then obviously the people selected on to the Board should be the people who are conversant and are experts and professionals in this particular crop. It is of no use putting, for instance, people who are experts in the rubber industry into doing a research into the pepper industry: They know nothing about pepper, and *vice versa*. So this is another factor which I would like to bring up and I would like to see that the Secretary-General, indeed if not the Chairman himself and other Members, should be selected from the Agricultural Department because they are conversant in this particular field. It is of no use making an officer who knows nothing about agriculture in this particular field as Secretary-General, because he is the key-man who is going to implement the programme and he must understand what it is all about, without being told what it is all about; he must know instinctively. You can only do that provided you are a very professional man. In the same way it is no use having a civil servant who knows nothing about medicine to be the Secretary-General of the Ministry of Health. He should be a doctor if he is going to do his job properly. I like to make a plea here, Sir, that in this particular organisation of MARDI and the other organisations, let us put professionals to become Secretaries-General of these various organisations.

The other point, Sir, which I would like MARDI to do is that MARDI should look into and expand on soil survey. I believe this has been done in Peninsular Malaysia, but unfortunately it has not been done yet in Sarawak. Now Sarawak has very patchy soil and I would very strongly recommend that the Government should take this in hand because it is impossible to plan what crops to go into in the various Divisions of Sarawak unless one knows exactly what soil types we have in the various Divisions. In the same

way it is not possible to plan for the development of the country and the labour requirements of the country, etc., without having a manpower survey, in the same way it is impossible to plan what types of crops to grow efficiently and for the most optimum gains unless one knows precisely what types of soil we have. Again I repeat here, that in Sarawak we have very, very patchy soils. To illustrate my point again, Sir, if I may—I am glad the Honourable Minister is here—just to emphasise the point, three or five years ago—I can't remember how many years ago—when the Honourable Minister himself went to Sarawak he made a statement that the Sungei Sarawak is going to make way for a big padi scheme near Kuching.

**Tuan (Timbalan) Yang di Pertua:** What scheme?

**Datuk James Wong Kim Min:** A big padi scheme which would make Sarawak the rice bowl of Malaysia. But they found that the soil was completely unsuitable—before they started work anyway. In other words, the Minister has, with very good intentions, made the mistake of thinking the soil was suitable. Now this is what I am trying to illustrate. Therefore it is very essential that we should have a very comprehensive and immediate soil survey being carried out in Sarawak.

Mr Speaker, Sir, I would like to bring up another point. Oil has been produced in Sarawak. We have heard in this House that it is 95,000 barrels a day. Now, Sir, I would like very much that MARDI look into the possibility of whether or not we could manufacture fertilisers from the by-products of oil and from gas to supply our fertiliser requirements—after all, we have the oil obtained from the ground. Sarawak in particular, is a very, very poor State and we could use the fertilisers produced from the oil there to fertilise the State.

The other point which I would like very much a research organisation like MARDI to find out why in the case of Malaysia, and Sarawak in particular, where 80% of the people are engaged in agriculture, yet we are not able to plant enough to feed ourselves. There must be something basically wrong with our form of farming. In this respect, Sir, this is a matter which must be looked into quickly. When a country like America with 6-8% of the population engaged in farming

is able to feed the whole of America and to ship excess wheat to Russia and China, I don't see any earthly reason why Malaysia having so much land and so many people is not able to plant enough for its own needs. The Honourable Member from the other side of the House who had spoken earlier on has said that in Sarawak rice is getting very, very expensive. I see that there is absolutely no reason for this. There must be something wrong in our priorities, something wrong in our methods of farming to make this very sorry state of affairs possible and I think this is one of MARDI's job to look into, so that we could eliminate this very wasteful and unproductive form of agriculture.

One of the things which MARDI must do is to urgently look into the matter of what types of "cash crops" should be planted in order to help the various farmers in the country. Crops like palm oil, for instance, will benefit certain number of people. It will benefit certain estates but it will not benefit the majority of the people in the country, for the simple reason that the majority of the people are not able to participate in oil palm planting. It is for this reason I would very strongly ask MARDI to look into the possibility of advising the farmers what crops to plant and in what particular soil and also to liaise with organisations like FAMA and the Farmers' Organisations on the planting and the marketing of these crops.

Now the other point which I would like very much to bring up again here is rather an important one. We in Malaysia, Sir, right from the colonial days and up to now, I regret to say, have always looked with only one objective, mainly that we are only interested commercially in permanent crops like rubber, coconuts, oil-palm and such-likes, but we have failed and have not actually seriously gone into the possibility of having mixed farms in Malaysia—having a pilot scheme to try out whether mixed farms are economically possible. Of course, we have the little farms, the little Chinese farms, the little Malay farms and so on of probably one acre, two acres, half acre, one-quarter acre planting few vegetables and so on, but these are too small, Sir. What I would very much advocate is this: I would strongly ask the Government and MARDI to

consider the establishment of a pilot scheme of roughly 3,000 to 5,000 acres. Now, this pilot scheme will be mechanised, run by managers, recruited by managers and will be run as a corporation, with money being subsidised for it to prove, whether mixed farming on a mechanised, sustained, basis is possible in this country. This has not been done, Sir, I can assure, that this has not been done; and I would very strongly recommend that this be done. If the mixed farming on a sustained new basis is possible in this country on a large scale, then it would be possible, to replicate such mixed farms of 3,000 to 4,000 acres by having co-operatives or other forms of institutions to run it if once it is proved successful. But we have to prove, that it is a success, and I would very strongly recommend that this mixed farming be run not by the Agriculture Department but be run by experienced farmers recruited from somewhere and preferably given to somebody who is interested in coming into it on a joint venture with the Government on this scheme. I am very strongly recommend this, because I have spoken to many people, to many agriculturalists, on this project and they all feel that this is one particular sector where we have never had a pilot scheme.

Sir, the other point which I would like very much to ask here is this: will the Minister in his reply kindly clarify to the House whether or not a Branch of this Institute will be set up in Sarawak fully staffed and also another Branch probably in Sabah?

Sir, the final observation which I would like to make in this connection is that I feel that MARDI should concentrate more on the semi-permanent and the annual crops rather than the more permanent crops for this simple reason: in the permanent crops like rubber and palm oil, for instance, they have their foster parents. When I say "foster parents", I mean they have organisations like the big companies which have their laboratories and so on to do research and because they are such a paying proposition, they have also a tradition now of being well looked after by various scientific organisations of their own. But in the annual crop, Sir, which is nobody's child but which would benefit the greater majority of the people in

Malaysia, farmers in Malaysia, I would ask MARDI to please concentrate on this particular field.

**Tuan Haji Mokhtar bin Ismail (Perlis (Selatan):** Tuan Yang di Pertua, saya bangun mengalu-alukan Rang Undang-undang ini dan di samping itu saya suka menyentuh di dalam beberapa perkara berkenaan dengan kemajuan pertanian di dalam negara kita. Tanaman yang penting sekali di dalam negara kita pada hari ini ialah kelapa sawit. Kelapa sawit adalah menjadi satu unsur atau bahan negara yang mana minyaknya dapat sama-sama kita ketahui menjadi hasil negara yang paling besar dan bukan itu sahaja, tahiti minyak boleh dijadikan juga makanan binatang, jika MARDI sanggup memainkan peranan membuat penyelidikan yang lebih luas lagi.

Dan begitu juga apa yang kita fahamkan bahawa minyak kelapa sawit ini adalah sangat bermutu, dan sedikit masa yang lalu ada berita-berita dalam akhbar yang mengatakan bahawa minyak kelapa sawit ini adalah sejenis minyak yang paling baik untuk dimakan atau untuk dijadikan bahan makanan. Oleh itu, saya mengesyorkan kepada MARDI supaya membuat penyelidikan yang lebih rapi lagi supaya bahan minyak tersebut dapat digunakan secara luas oleh rakyat dalam negara ini. Umpamanya daripada minyak tadi boleh dijadikan margarine dan begitu juga susu.

Ada juga satu berita sedikit masa yang lalu mengatakan daripada minyak kelapa sawit boleh dijadikan susu yang mana zatnya sangat tinggi. Maka oleh kerana itu saya merayu lagi kepada pihak MARDI supaya membuat kajian-kajian yang teliti dalam masalah ini. Begitu juga peladang-peladang kita mereka sangat suka hendak menanam kelapa sawit secara berkelompok, tetapi apa yang malangnya mereka itu tidak boleh dapat benih yang baik dan tidak boleh mendapat nasihat daripada pakar-pakar berkenaan bagaimana caranya kelapa sawit itu harus dijaga. Oleh kerana itu, saya sekali lagi mengesyorkan supaya di pihak MARDI hendaklah memberi galakan kepada peladang-peladang kita yang kecil supaya mereka itu mendapat peluang menanam kelapa sawit dan memberikan juga kemu-  
dahan kepada mereka.

Yang kedua, saya suka juga hendak menyentuh dalam masaalah pertanian. Masaalah pertanian yang paling penting sekali ialah air. Apa sahaja tanaman kalau tak ada air, maka tanaman itu tidak akan subur. Apa yang saya hendak nyatakan di sini di pihak MARDI dan juga di pihak perbadanan yang lain seumpama MADA dan sebagainya, mereka hendaklah memberikan kerjasama atau koordinasi supaya petani-petani dapat mengeluarkan hasil-hasil tanaman yang baik. Umpamanya, di dalam negeri saya, walaupun di Perlis ada rancangan yang dibuat oleh MADA dan sebagainya, tetapi sehingga sekarang ini MADA belum lagi dapat melaksanakan projek-projek yang begitu penting supaya dapat taliair yang dialirkan dalam Perairan Muda ini dapat masuk dengan sepenuh-penuhnya ke dalam sawah-sawah. Oleh kerana itu, maka banyaklah petani-petani yang keciwa—ada tempat boleh dapat air, ada tempat yang tak boleh dapat air dan sebagainya. Maka begitu juga tanaman-tanaman yang tersebut berkehendakkan kepada baja dan pihak MARDI adalah sangat wajar membuat penyelidikan apakah baja yang baik atau yang sesuai yang boleh digunakan oleh petani-petani kita dengan harga yang murah.

Pada hari ini, kalau kita berjalan di dalam kawasan-kawasan pertanian, kita dapati ada bermacam jenis baja yang digunakan oleh petani kita.

Ada baja dari Jepun, ada baja dari Jerman, ada baja dari Britain, ada baja daripada Thailand dan ada juga macam baja bukit dan sebagainya. Bila saya bertanya, "Bagaimana, apa sebabnya menggunakan baja ini?" Mereka menjawab katanya, "Baja ini telah dinasihatkan oleh Pejabat Pertanian supaya digunakan." Dan begitu juga baja-baja yang lain. Nampaknya dalam masaalah baja ini pak tani-pak tani kita menggunakan baja dengan bermacam-macam cap. Adalah sangat baiknya, jika pihak MARDI dapat membuat penyelidikan baja mana satu yang harus dan sesuai digunakan oleh petani-petani kita, supaya dengan jalan yang demikian tidaklah begitu keciwa petani-petani kita berebut-rebut membeli baja. Kadang-kadang keluar dalam suratkhbar baja ini yang baik sekali. Kadang-kadang ada pula suara siaran iklan kata ini baja bagus sekali. Jadi petani-petani kitalah yang

ruginya. Pada hal bahan-bahan yang digunakan itu adalah mahal. Kalau kita bandingkan harga-harga yang ada pada hari ini dengan harga padi yang dibayar oleh Kerajaan maka harga-harga baja itu telah meningkat dua kali ganda juga alat-alat yang digunakan oleh petani-petani pada hari ini.

Oleh kerana itu masaalah inipun haruslah diambil perhatian oleh Kementerian yang berkenaan supaya jangan petani-petani kita itu lepas daripada mengetam padi, pukul padi boleh miang sahaja. Tolak pergi, tolak mari, semua tidak ada apa-apa hasil yang dapat. Baja-baja dan sebagainya. Harga baja-baja ini pula, harga yang begitu mahal. Jadi saya berharaplah bagi pihak MARDI dan juga dengan kerjasama dengan Jabatan-jabatan yang lain. Kalau tidak ada koordinasi, saya dapati pada hari ini tidak ada koordinasi. MADA ada punya sistem sendiri. Pengarah Besarnya ada di Kuala Lumpur. Kemudian yang tinggal di sana menjalankan kerja-kerjanya tidak ambil peduli lagi. Kalau negeri campurtangan, dia kata ini bukan negeri punya fasal, ini kami punya fasal. Kalau macam ini penyakitnya, bagaimana dapat kita hendak memajukan pertanian untuk petani-petani dalam negara kita. Kalau satu-satu badan tadi tidak sanggup bekerjasama dengan badan-badan atau dengan Kerajaan Negeri maka sudah tentulah yang akan keciwa ialah petani-petani juga. Oleh kerana itu, saya menyeru kepada Menteri yang berkenaan supaya dapat mencantumkan sekurang-kurang koordinasi di dalam badan-badan yang tersebut supaya dengan ada koordinasi maka dapatlah memberi kerjasama di antara satu badan dengan satu badan yang lain. Dengan ini akan menguntungkan petani-petani kita.

Dan satu lagi tanaman yang saya dapat tahu di Kedah begitu juga di Perlis, ada sejenis buluh dan buluh itu menghasilkan rebung—kecil sahaja rebungnya. Saya tengok buluh yang macam itu juga ditanam untuk rebung di Taiwan. Sekiranya kalau MARDI dapat membuat kajian buluh tadi, buluhnya tidak besar, kecil sahaja. Mereka buat kajian supaya diperluaskan lagi tanaman buluh itu. Dengan itu dapat kita mengtinkan rebung kita tadi dapat kita eksportkan ke luar negeri.

Saya berharaplah bagi pihak MARDI jangan membuat penyelidikan atau penyiasatan atas kertas sahaja, ini saya tidak mahu

dengar. Jalankanlah usaha-usaha itu dengan bersungguh-sungguh, maka kami dalam Parlimen ini sudah tentulah akan memberi sokongan di atas apa sahaja wang yang diminta oleh MARDI tetapi dengan syarat jangan buat atas kertas. Buktikan di tengah-tengah masyarakat ramai di tengah-tengah masyarakat pak tani yang MARDI itu adalah sebenar-benarnya satu badan penyelidikan yang akan memberikan keuntungan yang paling besar kepada petani-petani kita.

**Raja Nong Chik bin Raja Ishak (Kuala Selangor):** Tuan Yang di Pertua, saya juga menyokong sama atas Rang Undang-undang ini.

Saya menyokong, oleh kerana saya dapati iaitu MARDI ini memang baik dan penyelidikan-penyelidikan yang telah dijalankan oleh MARDI ini selama dua tahun ini memang ada berjalan kerja-kerja yang memuaskan. Tetapi walaubagaimanapun apa pun yang diselidiki jikalau tidak ada pasaran-pasaran, tempat-tempat yang hendak dijual barang-barang ini yang telah ditanam oleh peladang-peladang, tentu sekali cita-cita MARDI atau cita-cita Kerajaan tidak akan dapat kita tujukan. Oleh kerana saya dapati iaitu kita telah menanam nenas, kita telah menanam banyak nenas, kita telah menanam di Johor dan menanam di Selangor ini. Didapati nenas-nenas kita kurang mendapat sambutan. Saya tahu negeri Jepun membeli nenas cukup banyak daripada Hawaii. Negeri Jepun membeli banyak nenas-nenas di dalam tin dari Taiwan. Tetapi saya hairan negeri Jepun ini, tidak tahu apa sebabnya, oleh kerana boleh jadi diskriminasi Jepun terhadap negara kita, nenas-nenas tin yang kita buat lebih baik daripada Taiwan, lebih baik daripada Hawaii tetapi nenas kita payah sangat hendak masuk ke negeri Jepun. Dengan sebab itu, kita mestilah gesa, kalau misalnya Jepun betul-betul hendak bekerjasama dengan Malaysia untuk menolong rakyat Malaysia ini dan juga bagaimana tujuan Jepun zaman peperangan dahulu iaitu untuk dai kua singko orang Asia ini, maka Jepun mestilah menunjukkan betul-betul propaganda-propagandanya tadi. Saya dapati iaitu yang mengimpot nenas daripada negeri kita cuma satu dimonopolikan oleh satu syarikat yang dinamakan Bangkok Go-at-it. Ini bukannya pula orang kita. Adalah terdiri daripada orang-orang luar. Jadi anak negeri di sini tidak dapat memegang, orang luar yang dapat. Saya berasa hairan di atas

perkara ini. Saya harap Kerajaan menyiasat dengan sebenar-benarnya. Kalau tidak begitu bagaimana MARDI siasat, bagaimana MARDI mengeluarkan perbelanjaan yang beberapa banyak tetapi hasilnya nanti apabila kita sudah tin nenas banyak-banyak tidak dapat dijual, susah kita nanti.

Yang keduanya, saya nampak iaitu getah. Getah yang kita tanam daripada zaman penjajah dahulu, memang dapat sambutan daripada peladang-peladang kita iaitu small-holders kita, dapat sambutan. Apa sebabnya mendapat sambutan? Sebab mendapat sambutan itu oleh kerana orang putih menanam getah banyak-banyak, ada pasaran-pasarannya. Apa sebab kita telah menanam kelapa sawit? Kita menanam kelapa sawit oleh sebab dapat pasaran. Itu pun orang-orang kita iaitu peladang-peladang kita yang di dalam kampung-kampung menanam kelapa sawit payah dapat pasaran. Apakah sebabnya? Sebabnya ialah orang kita di kampung-kampung tidak ada mempunyai kilang-kilang untuk menampung hasil mereka daripada kelapa sawit. Sungguhpun orang-orang asing yang telah mendirikan kilangnya telah mengadakan estate yang besar-besar, merekalah yang menekmati hasil-hasil ini, tetapi bagaimana pula bagi warga-negara ini? Mereka cuma menganga, menengok sahaja keuntungannya kepada orang lain. Kalau pun bumiputra ataupun warga-negara di sini menanam kelapa sawit, estate-estate orang putih ini akan mengatakan: Saya tidak boleh ambil hasil awak. Apakah sebabnya? Sebabnya ialah capacity mesin kilang ini cuma 1,000 tan dan tidak boleh masuk 2,000 tan. Akhirnya orang kita di sini terpaksa menjual secara murah ataupun hasilnya busuk begitu sahaja. Walaubagaimanapun diselidiki hasil-hasil daripada kelapa sawit ini tidak digunakan, tetapi apakah sebabnya tidak digunakan? Sebabnya ialah kerana tidak ada didirikan kilang di kampung-kampung untuk menampung hasil tadi. Dengan sebab itu adalah sangat penting iaitu samada perbadanan ataupun Kementerian Pertanian dan Perikanan, MARDI ataupun Kementerian Perdagangan dan Perindustrian ataupun MARA untuk meninggikan taraf hidup orang kampung bagi menampung hasil-hasil di kampung terpaksa menyelidiki bersama untuk membuat fektri-fektri di kampung-kampung.



Ahli Yang Berhormat dari Sarawak tadi menyatakan tentang tanaman lada hitam. Lada hitam yang ditanam cukup banyak di Sarawak, tetapi membuat grading nombor satu dijadikan powder (tepung) ataupun dihantar gradingnya terus ke Singapura. 16 tahun lamanya kita merdeka dan bagi Sarawak yang telah masuk Malaysia ini selama 10 tahun, maka grading nombor satu, nombor dua, nombor tiga dibuat di Singapura, diadakan di Singapura barangkali tidak lama lagi diadakan di Sarawak. Kalau sudah 10 tahun merdeka grading lada hitam tidak boleh dibuat di Sarawak, bagaimana? Dengan ini adalah diminta pada Kerajaan untuk meninggikan taraf hidup orang-orang kita maka grading itulah mesti dijalkan.

Begitu juga apa yang dikatakan oleh saudara saya Ahli Yang Berhormat dari Sarawak tadi bahawa orang-orang kita kebanyakannya makan sagu, sebab orang-orang Malaysia ini, gugusan kepulauan Melayu ini, ada orang makan sagu terutama sekali di Rio dan juga di Sarawak dan ada juga barangkali di Sabah. Orang-orang Melayu zaman dahulu memang banyak makan sagu dan sagu ini sekarang dibuat daripada *Aji-no-moto*. *Aji-no-moto* dijual di merata dunia, kerana kalau hendak masak makanan mestilah sedikit sebanyak dimasukkan sama *Aji-no-moto*. *Aji-no-moto* ini saya telah melawat kilangnya dekat Yokohama, Jepun, dan bahan yang utama ialah sagu—baik sagu ubi ataupun sagu rumbia. Cukup banyak, busuk betul, berbau fektri itu. Ini bahan yang utama sekali, tetapi kalau hendak dibeli bahan ini tidak ada gradingnya di Sarawak. Bagi orang tengah, kalau nombor satu dikatakan nombor empat, atau nombor sepuluh. Jadi bagaimana hendak meninggikan taraf hidup orang kampung? Jikalau misalnya bumiputra kita di Sarawak yang keringat peluhnya bertabur menanam rembia sampai 12 tahun tiba-tiba hasil satu pokok rembia itu mendapat hasil \$2 tidak dapatlah kita meninggikan taraf hidup kita. Dengan sebab itu, MARDI juga mesti melihat perkara ini kalau tidak berbuat begitu sia-sia sahajalah Rancangan Lima Tahun Yang Kedua, oleh kerana kita hendak meninggikan taraf hidup orang kampung, tetapi orang tengah banyak yang menelan kita.

Ketiga, keempat dan kelima iaitu kopi. MARDI buat rancangan kopi, tetapi kopi bangsa asing masuk juga. Kita boleh menanam kopi, kopi kecil-kecil, kopi besar boleh ditanam di negeri kita kerana tanahnya subur seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat yang lain tadi. Pokoknya cukup rendang, baik, lebat betul buahnya, sesuai betul hawanya. Tetapi mengapa kopi kita tidak laku, kenapa kita tidak boleh menggalakkan lagi? Tidak usah expot lagi untuk warganegara minum kopi, sebab ada *Nescafe* masuk ke Malaysia. Siapa untung? *Nescafe* untung. Kita tidak salahkan *Nescafe*, buat fektri *Nescafe* dan ambil kopi kita buat kilang kopi di sini. Kita tidak salahkan dia, tetapi mengapa ambil bahan daripada luar? Buat *Nescafe* di sini supaya dapat orang kampung kita, warganegara kita, menjual kopi ke *Nescafe* dan dapatlah harga dinaikkan dengan menggalakkan orang kita menanam kopi.

Begitu juga pada masa yang akan datang, iaitu koko. Koko telah digalakkan oleh Jabatan Pertanian dan Kementerian Pertanian dan Perikanan untuk menanam koko di bawah pokok-pokok kelapa. Cukup subur, cukup elok betul. Pokok ini hendakkan di bawah pokok yang rendang, baharulah hidup subur pokok koko ini. Jadi sekarang sudah banyak koko di merata-rata tempat kita boleh melihatnya di mana-mana. Apabila koko ini sudah ada fektri-fektri, maka koko dari luar negeri ataupun coklat dari luar negeri di ban, tidak diberi masuk lagi, kita boleh buat coklat di negeri kita.

Sekarang ini barang-barang telah naik. Yang susahnyalah ialah pekerja-pekerja dan orang-orang kampung yang bergaji murah, dan bergaji kecil. Dengan sebab itu, padi yang ditanam di negeri ini, satu masa dahulu dikatakan apabila kita tanam lebih banyak padi adalah sesuai bagi negeri kita. Tetapi diberi tahu tidak boleh tanam padi sampai 100% tidak usah expot, kita mesti impot 20% daripada luar negeri. Di luar negeri berasnya murah. Jadi kita bawa masuk beras 20% dari luar negeri. Tetapi sekarang kita tengok bagaimana? Saya ingat Kementerian Pertanian dan Perikanan terpaksa menukarkan polisi atau dasar baru untuk menanam bukan sahaja 80% tetapi 160% untuk expot pula, oleh kerana harga beras sudah mahal. Tetapi saya minta kepada Lembaga Padi dan Beras Negara oleh kerana beras sudah naik

harga, maka bagi petani kita, padinya begitu juga yang dibelinya, kalau segantang 15 sen, 15 sen juga dibelinya. Saya harap di atas pertimbangan Lembaga Padi dan Beras Negara dinaikkanlah harga padi ini oleh kerana orang kita itulah yang selama-lamanya susah. Dari zaman ke zaman merekalah yang susah. Bagi orang kita terutama sekali orang Melayu yang beragama Islam memikirkan sudah kenyang sahaja, Alham-dulillah. Sebab apa, menanam padi itu ditumbuk kemudian dapat beras, kenyang perutnya, sudah. Dengan sebab itu, saya harap Kementerian yang bertanggungjawab menengokkan supaya petani-petani kita yang menanam padi dinaikkan harganya.

Saya tidaklah hendak bercakap panjang-panjang, tetapi cuma saya minta kepada Kerajaan walau apa pun ada misalnya kalau hendak menubuhkan lembaga-lembaga untuk meninggikan taraf hidup pak tani ini dimasukkanlah pegawai dari Kementerian itu dan pegawai daripada Kementerian ini, walau berapa banyak pegawai-pegawai dimasukkan di dalam Lembaga-lembaga ini, tetapi jika tidak berhasil, tidak ada kemajuan di dalam tempoh 5 tahun ini, pak tani kita sudah tidak tahan lagi menengokkan kemajuan-kemajuan. Mereka juga hendak maju, hendak hidup senang, hendak pakaian yang elok, sekurang-kurangnya hendak motosikal, rumahnya hendak api letrik, begitu juga talivisyen di rumahnya. Sebab, dunia ini sudah maju sangat. Jadi dimintalah siapa yang telah dilantik dalam Lembaga ini menengokkan betul-betul tentang kemajuan-kemajuan yang akan dicapai di dalam tempoh 5 tahun yang kedua ini.

**Tuan Haji Mohamed Yusof bin Mahmud (Temerloh):** Tuan Yang di Pertua, sedikit sahaja saya mengambil bahagian di sini . . .

**Tuan Yang di Pertua:** Saya harap Ahli Yang Berhormat dapat memendekkan ucapannya mengenai Rang Undang-undang ini.

**Tuan Haji Mohamed Yusof bin Mahmud:** Saya suka mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita ini berkenaan dengan hal nasib-nasib peladang-peladang yang duduk di luar bandar.

Peladang-peladang ini mengharapkan Akta inilah yang akan membela nasib mereka. Oleh itu, saya memandangkan pada masa yang lampau Kerajaan kita suka menumpu, mengambil pakar-pakar dari satu jurusan sahaja, iaitu dari Britain sahaja. Kebanyakan daripada perkara-perkara yang digunakan oleh peladang-peladang di luar bandar ini, rasa saya, tidak ada yang ada di Barat sana. Oleh itu, saya harap pakar-pakar atau mereka yang menyelidiki hal kehidupan petani-petani kita berkenaan tanaman-tanaman itu hendaklah daripada negara yang boleh memberi pakar-pakar yang baik betul, tidak bagaimana masa yang lampau, seperti satu contoh berkenaan dengan pakar-pakar dari Taiwan yang telah kita ambil baharu-baharu ini untuk memberi pengajaran, menyelidik petani-petani kita dengan memberi contoh dan tauladan yang baik.

Yang keduanya, saya memperhatikan dari Akta ini kita mengadakan untuk memberi perkhidmatan kepada peladang-peladang kita, tetapi peladang sendiri tidak dipanggil berunding, kita hendak sogokkan sahaja apa pendapat kita kepada mereka. Saya percaya ini tidak mungkin akan dapat berjaya. Oleh itu, rasa saya, ada kemungkinan baik hendaklah dipanggil sama berunding peladang-peladang sendiri yang akan menerima segala pendapat dan nasihat bagaimana mereka akan boleh mengambil bahagian yang cergas, itu yang kedua.

Yang ketiga, Akta atau Badan ini telah ada tertubuh di negara kita dua tiga tahun yang lampau, tetapi masih lagi tidak berjalan dengan tegas. Sebagai contohnya, satu perusahaan yang besar dalam negeri, kita iaitu perusahaan kelapa. Tiga tahun yang telah sudah boleh dikatakan perusahaan ini sangat merosot. Jika sekiranya 5 ekar pendapatan kelapa pada 3 tahun yang dahulu mereka boleh mendapat hasil di antara 3,500 hingga 4,000 biji, tetapi sekarang sudah merosot sampai 500 biji, selama 3 tahun sudah. Inilah perkara-perkara yang patut dihadapi oleh Pusat Penyelidikan semacam ini. Mengapakah merosot? Begitu juga Badan ini hendaklah menyelidik dan mengawasi segala anasir-anasir yang cuba hendak mengecil-ngecilkan perusahaan kita seumpamanya di negara Amerika yang mengatakan adalah minyak kelapa yang akan mendatangkan penyakit yang besar kepada manusia dan mereka menasihatkan supaya menggunakan minyak

daripada sunflower. Adakah perkara ini betul? Maka ini patut sangat Pusat Penyelidikan menyerang balik pendapat-pendapat yang diberi oleh orang-orang Amerika. Saya percaya kerana mereka hendak menggunakan, melariskan penjualan minyak daripada sunflower. Inilah rasa saya perkara-perkara yang penting Pusat ini hadapi dalam kerja mereka hari-hari terhadap perusahaan-perusahaan peladang kita di dalam negeri ini.

Dengan dua tiga perkara ini, saya nampak kalau perkara ini hendak dibuat dengan baik, dan untuk mendapatkan perusahaan yang baik, faedah yang besar kepada peladang-peladang yang duduk di luar bandar, perkara yang saya pandang penting ini patutlah diambil bahagian yang cergas oleh Pusat Penyelidikan ini.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungun):** Tuan Yang di Pertua, saya suka mengambil bahagian sedikit berhubung dengan Rang Undang-undang ini. Saya mengalu-alukan tentang usaha-usaha yang telah dijalankan oleh Instituit Penyelidikan ini.

Tuan Yang di Pertua, saya rasa Instituit Penyelidikan kita ini kadang-kadang terlampau lambat dalam membuat kajian sehingga empat lima tahun di mana keadaan masa menghendaki supaya disegerakan dan keadaan-keadaan tuntutan hidup menghendaki supaya permodenan lebih disegerakan.

Saya ingin menyentuh tentang apa yang berkaitan dengan penanam-penanam kelapa. Penanam kepala di tanah pasir pada masa ini masih belum dapat dibuat kesimpulan dan dibuat kajian di mana mereka perlu mendatangkan hasil yang banyak dari tanaman-tanaman itu. Selama ini, dan sekarang ini pun demikian juga tidaklah mendatangkan hasil yang baik, dengan sebab tanahnya yang kering kerana keadaan-keadaan yang tidak mendatangkan subur. Penyelidikan ini haruslah dibuat supaya hasilnya akan diperolehi daripadanya dengan lebih lumayan lagi.

Selain daripada itu, saya ingin menyentuh tentang penyelidikan yang masih hari ini belum muktamad agaknya tentang beberapa perkara. Pertama, tanaman anggur di mana negeri kita ini, apa yang saya tahu, adalah

boleh ditanam dengan anggur dan mendatangkan buah, tetapi tidak mendatangkan hasil yang banyak dan orangramai sekarang ini pun masih belum dapat membuat satu ladang atau kebun anggur. Sebaliknya, sebuah negeri jiran kita iaitu negeri Thailand sekarang ini dia mengekspot anggur ke negeri kita dan negeri kita terpaksa membeli anggur daripada negeri Thailand dengan begitu banyak. Kenapa sehingga hari ini kita tidak dapat berbuat demikian?

Apa yang saya tahu, keadaan hawa di negeri kita ini adalah lain sedikit dengan hawa di negeri Thailand. Di Thailand agaknya lebih panas dan boleh mendatangkan lebih manis buahnya daripada negeri kita, sedangkan negeri kita hawanya adalah lebih cepat berubah di mana buah itu payah manis. Kalaulah sekadar itu, haruslah dibuat kajian supaya kita dapat membuat satu cara samada dengan meletakkan baja yang baik agar buah anggur itu manis sebagaimana di tempat lain juga. Ini, dengan tujuan supaya kita dapat mengeluarkan hasil daripada negeri kita dan negeri kita tidak sentiasa bergantung dengan negeri lain dan kalau boleh, negeri kita pula akan mengespot buah-buahan ini untuk kepentingan rakyat.

Demikian juga dengan buah mempelam yang sehingga hari ini kita dapat lihat bertimbun-timbun buah mempelam daripada negeri Thailand kita impot. Mengapakah demikian? Adakah tanah kita tidak sesuai? Apa yang saya tahu adalah sesuai kalau kita tanam dan dikerjakan, buah-buahannya adalah baik dan mendatangkan hasil yang baik.

Tetapi secara besar-besaran bagaimana pula, ini harus dijalankan penyelidikan dan penyelidikan itu harus dengan segera kalau boleh, Tuan Yang di Pertua, hasil penyelidikan ini diserahkan kepada perbadanan-perbadanan Kerajaan untuk mengendalikan satu ladang dalam perkara-perkara yang saya sebutkan tadi.

Selain daripada itu, Tuan Yang di Pertua, sekali lagi saya ingin mengingatkan kepada Kerajaan dan saya bersetuju dengan ucapan yang dibuat oleh wakil yang terdahulu daripada saya tadi iaitu berhubung dengan dasar tanaman padi di negeri kita ini di mana selama ini kita mahu mengekspot padi sedangkan negeri kita masih tidak cukup.

Tuan Yang di Pertua, saya minta benar-benar supaya Kerajaan mengkaji hal ini, kerana rakyat cukup susah dengan padi yang kekurangan dan saya bersyukur kalau Kerajaan membuat satu penyiasatan dan penyelidikan yang sungguh-sungguh supaya kos pengeluaran padi ini direndahkan sedikit dan hasilnya lebih banyak dan kita boleh mengekspot keluar negeri dan mendatangkan hasil yang baik kepada rakyat.

**Tuan R. C. M. Rayan (Ipoh):** (*Dengan izin*) Tuan Yang di Pertua, although over three years have passed since the Malaysian Agricultural Research and Development Institute Act was passed, it is regrettable that no significant results have been produced so far so as to strike the eye of the common man. It can be said that we are almost still in the state as we were before the original MARDI Act was passed in 1969, except perhaps for palm oil where there is some noticeable change. In 1969 also Members of Parliament would have come into this House and spoken at length, but the mountain after labouring so much would have brought forth only a little mouse in the shape of palm oil. To get down to business, we must get experts from foreign countries which have successfully carried out agricultural farming employing modern methods.

It is of no use reconstituting the Board replacing one person from Malaysia with another person also from Malaysia. What is necessary is to get experts in the particular field from abroad and retain their services here until results are forthcoming. We should explore the possibility of growing cocoa, coffee, sago, pepper and many similar products with a view not only to serving the needs of our people but with the ultimate object of exporting these products to other countries where these products are in short supply. There is no use granting aids to other organisations to conduct research when the research could be conducted by the Government itself. There is no point in passing the baby to somebody else when we can look after the baby ourselves. We come here, we talk, talk and talk and the next thing is everything is forgotten until we come here again and meet again to discuss some more amendments to this amendment that we are going to pass today. To make this research a success, I would suggest that a Board

consisting entirely of research experts from abroad should be appointed. Thank you, Mr Speaker.

**Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar:** Tuan Yang di Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bersama-sama memberi ulasan dan memberi sokongan atas Rang Undang-undang yang telah dikemukakan di dalam Dewan ini. Dan saya sukalah memberi jawapan dengan secara umum sahaja di atas perkara ini.

Yang pertama sekali, saya suka memberi jawapan kepada perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Miri-Subis oleh kerana beliau ingin tahu tugas-tugas yang besar yang dipertanggungjawabkan kepada MARDI ini. Di sini suka saya menerangkan bahawa tugas-tugas MARDI yang pertamanya ialah menjalankan penyelidikan daripada segi sains teknik dan menyebarkan maklumat dan nasihat berkenaan dengan penghasilan penggunaan dan cara memproses segala hasil tanaman, kecuali getah iaitu ternakan dan ternakan ikan air tawar ini tidak termasuk (getah).

Yang keduanya, perkhidmatan pusat bagi mengumpul dan menyebarkan maklumat dan nasihat berkenaan dengan perkara-perkara sains, teknik, ekonomi berhubung dengan perusahaan pertanian termasuk menyiarkan laporan, terbitan-terbitan dan kertas-kertas ilmiah berkaitan dengannya.

Yang ketiga, menjadi sebagai satu pusat perkhidmatan lanjutan pakar di dalam perusahaan pertanian.

Yang keempat, memberi nasihat berkenaan dengan latihan pekerja-pekerja bagi penyelidikan dan lanjutan dari segi sains dan teknik.

Yang kelima, memberi bantuan bagi maksud penyelidikan dari segi sains dan teknik dan ekonomi jenis jati dan gunaan berkenaan dengan perusahaan pertanian.

Yang keenam sentiasa mengadakan hubungan dengan pertubuhan-pertubuhan lain samada awam atau sendirian dalam negeri atau luar negeri yang mengambil bahagian di dalam penyelidikan dari segi sains, teknik, ekonomi dan sosial berkenaan dengan pertanian.

Di dalam melaksanakan tugas-tugas yang begini banyak, maka daripada semenjak MARDI ditubuhkan pada tahun 1969, maka telah dibuka beberapa cawangan-cawangan penyelidikan yang dijalankan oleh MARDI iaitu:

- (a) Penyelidikan Kemajuan Tumbuhan mengandungi cawangan padi, cawangan kelapa sawit, cawangan tanaman ladang, cawangan buah-buahan dan sayur-sayuran, cawangan koko dan kelapa, cawangan nenas, cawangan termasuk tumbuh-tumbuhan.
- (b) Bahagian Penyelidikan Kemajuan Ternakan iaitu cawangan lembu, daging, cawangan susu lembu cawangan ayam-itek, cawangan lain-lain ternakan dan cawangan ikan air tawar.
- (c) Bahagian Tanahair dan Kejuruteraan iaitu cawangan kesuburan dan pengurusan tanah. Cawangan tanah gambus, cawangan pengurusan air, cawangan kejuruteraan pertanian.
- (d) Bahagian Penyelidikan Kawasan Tumbuh-tumbuhan iaitu cawangan kawalan penyakit, cawangan kawalan serangga, cawangan ubat-ubat serangga, cawangan rumput-rumpai.
- (e) Bahagian Penyelidikan dan Penggunaan Tumbuh-tumbuhan yang mengandungi cawangan mengguna dan memproses dan cawangan menjaga mutu.
- (f) Bahagian Penyelidikan Ekonomi Perangkaan iaitu cawangan ekonomi pengeluaran dan pengurusan ladang, cawangan pemasaran dan cawangan rekabentuk percubaan dan perangkaan.

Di dalam cawangan-cawangan ini MARDI terpaksa mengadakan berbagai-bagai station dan mengadakan beberapa banyak station di dalam negara kita ini oleh kerana keadaan tanah dan keadaan air dalam negara kita ini tidak mempunyai keadaan yang sama dan berlainan, maka oleh itu MARDI pada masa ini telah mengadakan 14 stesyen yang ada di Semenanjung Malaysia dan ada 12 stesyen yang akan diadakan di Sarawak. Di Semenanjung Malaysia iaitu Serdang, di Jalan Kebun Kelang, di Bumbong Lima, di Jerangau (Trengganu), di Hutan Melintang (Perak), di Tanjung Karang (Selangor), di Sungai Baging (Pahang), di Cameron Highlands, di Bukit Iban (Pahang), di Parit

(Perak), di Keluang (Johor) dan di Batu Berendam (Melaka) untuk penyelidikan ikan air tawar, di Alor Star iaitu di kawasan petani-petani iaitu di MADA dan di Kelantan iaitu di kawasan Kemubu juga di kawasan petani-petani. Dan di Sarawak ada 12 tempat telah diatarkan iaitu untuk penyiasatan lada hitam dan juga untuk penyiasatan tanah gambut.

Di dalam masalah ini apa yang telah menjadi keutamaan di dalam mengikuti kegiatan-kegiatan penyelidikan supaya diberi keutamaan, iaitu:

- (a) menyelesaikan masalah-masalah petani dan peladang-peladang, memberi panduan dan matlamat di dalam segala aspek pertanian hasil dari penyelidikan bagi meninggikan hasil pertanian dan pendapatan. Kajian dijalankan di kedua-dua tempat, iaitu di kawasan petani sendiri dan di stesyen-stesyen MARDI.
- (b) mengatasi bahan-bahan yang diimpot, penyelidikan MARDI memberi tekanan bagi menentukan jenis-jenis tanaman dan juga teknik-teknik jagaan dan pengeluaran supaya beberapa bahan yang diimpot sekarang ini dapat ditanam dengan cara besar-besaran di negeri ini, termasuk buah-buahan yang ditanam dalam jangka pendek.
- (c) memperbaiki hasil-hasil tanaman yang diekspot, sekarang penyelidikan ditumpukan dan dirangka bagi menambah hasil pengeluaran dengan mutu untuk mendapat harga yang tinggi di pasaran dunia menerusi, memperbaiki jenis-jenis pembajaan, kawalan penyakit-penyakit dan lain-lain yang berkenaan dengan memperbaiki mutu serta juga yang boleh mengurangkan perbelanjaan pengeluaran.

Inilah dasar-dasar MARDI dan tugas-tugas MARDI dan cara-cara perlaksanaannya yang dijalankan oleh MARDI sementara itu.

Saya suka menjawab teguran-teguran yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Baram yang telah membangkitkan latihan yang dikehendaki kepada pemuda-pemuda dan juga subsidi berkenaan dengan baja. Sebenarnya pihak

Kerajaan Negeri Sarawak telah mengadakan latihan-latihan ini dan saya harap Ahli Yang Berhormat akan dapat berhubung dengan Pengarah Pertanian Negeri Sarawak untuk mendapat kemudahan ini.

Ahli Yang Berhormat dari Mukah minta disiasat berkenaan dengan soal sagu. Perkara ini pihak Kementerian Pertanian dan Perikanan di sini akan berhubung dengan pihak Jabatan Pertanian di Sarawak. Masaalah ini kita akan timbangkan berapa banyak jumlah rakyat yang hidup di dalam pasaran sagu samada kita boleh dapat mencari tempat pasaran yang sesuai ataupun tidak.

Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara telah banyak memberi pandangan-pandangan iaitu berkenaan benih buah-buahan, sayur-sayuran dan lain-lain yang tak dapat pasaran dan juga masaalah jering, petai, ini saya rasa adalah pandangan yang sangat baik daripada Ahli Yang Berhormat ini, tetapi apa yang disebutkan ini sudah termasuk apa yang saya jawab tadi (yakni MARDI adalah hanya menjalankan penyiasatan penyelidikan daripada segi tanaman sahaja). Masaalah pasaran, MARDI tidak ada berbuat apa-apa, barangkali apabila sampai masanya Kementerian ini mengemukakan satu Bil Lembaga Pemasaran Pertanian, Ahli Yang Berhormat ini akan dapat mengulang lagi masaalah ini untuk mendapat jawapan.

Selain daripada itu soal buah mukjizat hanya ada kepada Rasullullah s.a.w. sahaja. Ini saya sendiri mengakui dan saya sendiri pun tak tahu daripada mana gelaran buah mukjizat ini, yang saya dapat tahu perkara ini terjawab di dalam Parlimen, jadi saya terpaksa mengikut apa yang ditulis dalam Parlimen, itulah yang saya jawab. Samada nama ini boleh diambil oleh umat Rasullullah ataupun tidak ini terpulang kepada Ahli Yang Berhormat sendiri.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Langat saya ucapkan terima kasih di atas pandangannya. Beliau bimbang di sini segala result ataupun hasil-hasil daripada penyiasatan ini akan diberi kepada siapa, oleh sebab kalau diberi kepada orang kampung boleh jadi petani-petani di kampung-kampung tidak begitu faham di dalam melaksanakan pengajaran-pengajaran daripada segi sains untuk membancuh ubat-ubat dan yang lain-lain untuk mengajar petani-petani.

Ini saya suka menerangkan sesungguhnya pihak MARDI ini mempunyai hubungan yang rapat dengan Persatuan Peladang ataupun sekarang kita panggil Lembaga Pertubuhan Peladang supaya dapat menerima segala siaran-siaran dan maklumat-maklumat hasil penyiasatan daripada MARDI akan diberi kepada penyelia-penyelia peladang di tiap-tiap Negeri dan penyelia peladang akan menyampaikan kepada Persatuan-persatuan Peladang di seluruh negara di dalam Negeri masing-masing kerana ini memerlukan ilmu pengetahuan di dalam bidang sains, di dalam bidang ilmiah, maka perlulah dibuat melalui saluran, yakni melalui Penyelia-penyelia Persatuan Peladang yang juga menjadi Pengarah-pengarah Pertanian di tiap-tiap buah Negeri dan pandangan beliau mengenai masaalah pemasaran ini adalah juga mustahak. Saya bersetuju dengan beliau bahawa pasaran ini sangat mustahak, tetapi MARDI dalam perkara ini tidak boleh berbuat apa-apa sebab bukan di bawah tanggungjawab MARDI.

Ahli Yang Berhormat dari Perlis Selatan telah memberikan pandangan berkenaan dengan baja yang sesuai supaya dapat diketahui oleh petani-petani. Ini sudah dibuat di dalam stesyen di Alor Star sebab MARDI yang ada di Alor Star ialah menjalankan penyiasatan bersama-sama di dalam kawasan pertanian, yakni di dalam kawasan MADA. Oleh kerana itu petani-petani di sana dengan sendirinya dapat mengikuti cara-cara menjalankan tanaman padi di dalam kawasan MADA ini.

Yang keduanya, masaalah Pengurus Besar MADA di Kuala Lumpur, ini barangkali masa dia mesyuarat. Sebenarnya yang saya tahu Pengurus Besar ini tinggal di Alor Star, sekali-sekali tak apalah di Kuala Lumpur masa dia mesyuarat; ataupun lain-lain urusan.

Berkenaan dengan tanaman buluh supaya diperluaskan, pihak MARDI belum lagi dapat menjalankan penyiasatan sebab difikirkan perkara-perkara yang lebih penting lagi perlu dijalankan siasatan, tetapi walau bagaimanapun Kementerian ini adalah sedia menimbangkan perkara ini kalau didapati ini adalah ekonomik daripada pendapatan rakyat ataupun petani-petani, maka perkara ini akan ditimbangkan.

Tuan Yang di Pertua, pandangan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor berkenaan dengan pasaran pertanian, saya tidak hendak ulas, dan berkenaan dengan kemajuan MARDI bukanlah bergantung kepada jumlah banyaknya pegawai-pegawai, tetapi ialah kerana kerjasama daripada petani-petani. Ini saya akui memanglah begitu sebab pada masa dahulu MARDI tidak dapat mempunyai saluran yang tertentu, hanya dapat disalurkan kepada pegawai-pegawai Pertanian Negeri, tetapi oleh kerana adanya Pertubuhan Peladang ataupun Persatuan Peladang yang ada pada masa ini, maka MARDI akan dapat saluran yang baik untuk menyampaikan ilmu pengetahuan daripada segi pertanian ini kepada petani-petani.

Ahli Yang Berhormat dari Temerloh telah menegur berkenaan penyelidikan ini patutlah berunding dengan petani-petani. Saya sendiri bersetuju berunding tetapi sesudah kita berhasil membuat satu-satu penyiasatan barulah kita memberitahu kepada petani-petani apa yang patut kita berikan, apa yang patut kita rundingkan dan apa yang patut kita ajarkan dengan melalui Persatuan Peladang. Kalau belum lagi kita menjalankan penyiasatan kita berunding lebih dahulu bahawa masalah ini, saya rasa tidak akan menandatangani hasil apa-apa, dan Pertubuhan Peladang, saya rasa, adalah sebuah pertubuhan yang sangat sesuai untuk dibawa berunding di dalam masalah yang serupa ini.

Yang kedua, soal kemerosotan buah-buah kelapa. Kementerian ini adalah mengambil perhatian di atas perkara ini untuk mengambil ingatan dan yang kedua sebab-sebab minyak kelapa dimomok-momokkan oleh pihak-pihak yang berkenaan mengatakan minyak kelapa ini mutu zatnya kurang baik menandatangani sakit jantung dan sebagainya. Perkara ini sebenarnya di bawah tanggungjawab Food Technology ataupun Pusat Kaji-teknik Makanan di atas masalah ini. Saya fikir tidak bijak, kalau sekiranya saya memberi jawapan pada hari ini.

Ahli Yang Berhormat dari Dungun telah menimbulkan berkenaan dengan tanaman kelapa di tanah pasir belum lagi mendapat result pada hari ini. Memang betul perkara ini lambat untuk mendapatkan result, sebab kalau Ahli Yang Berhormat fikir kelapa hendak berubah hingga beberapa tahun dan sekarang ini kalau kita kaji daripada tahun

1969, sekarang baharu berapa tahun. Perkara ini belum lagi mendapat result dan soal buah anggur ini memang telah kita jalankan, tetapi belum mendapat hasil yang memuaskan, tetapi walau bagaimanapun apabila telah dapat hasil yang memuaskan maka MARDI akan memberitahu kepada Persatuan Peladang.

Ahli Yang Berhormat dari Ipoh menyatakan bahawa MARDI ini belum mendapat kejayaan yang sepenuh-penuhnya. Pakarpakar yang mahir perlu lebih banyak lagi kepada MARDI. Ini memanglah belum mendapat kejayaan yang sepenuhnya, kalau kita sudah mendapat kejayaan yang sepenuh, maka kita telah berjaya 100%. Walau bagaimanapun setakat ini kerja-kerja yang dijalankan oleh pegawai-pegawai MARDI di Kementerian ini adalah sangat-sangat memuaskan dan kita berharap dengan adanya kejayaan semua stesyen-stesyen MARDI yang ada 14 buah di Semenanjung Malaysia dan ada 12 di Sarawak nanti, kita akan mendapat hasil-hasil yang memuaskan setelah stesyen-stesyen ini mendapat kejayaan kelak. Sekianlah sahaja, Tuan Yang di Pertua, saya ucapkan terima kasih.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 7* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA KEMAJUAN PERUSAHAAN HAIWAN NEGARA (PINDAAN)**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar:**  
Tuan Yang di Pertua, saya memohon mencadangkan Rang Undang-undang Akta

Lembaga Kemajuan Perusahaan Haiwan Negara (Pindaan), 1973 dibaca bagi kali yang kedua.

Pindaan yang dicadangkan di bawah Rang Undang-undang ini adalah untuk:

- (a) Meminda nama Lembaga Kemajuan Perusahaan Haiwan Negara kepada Lembaga Kemajuan Ternakan Negara;
- (b) Menambahkan keanggotaan Jemaah Lembaga dengan memasokkan perwakilan daripada Bahagian Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri;
- (c) Meluaskan pada keseluruhannya kuasa kuasa yang telah diberi kepada Lembaga supaya segala masalah-masalah berhubung dengan pengeluaran ternakan dan pemasaran hasil-hasil ternakan dapat dikawal olehnya.

Tuan Yang di Pertua, Akta Lembaga Kemajuan Perusahaan Haiwan Negara, Bilangan 73, Tahun 1972 telah dikuatkuasakan di Semenanjung Malaysia mulai 1hb Ogos, 1972 apakala Lembaga Kemajuan Perusahaan Haiwan Negara dilantik oleh Menteri. Mengikut kuasa-kuasa yang diberi oleh Akta itu, Lembaga ini boleh menceburkan diri di dalam aktiviti-aktiviti pengeluaran ternakan samada dengan usahanya sendiri atau pun secara usaha bersama dengan pihak swasta atau dengan badan-badan yang lain. Lembaga tersebut bertanggungjawab terhadap pembinaan dan penyelenggaraan rumah sembelih serta perusahaan-perusahaan daging dan tenusu di Malaysia. Lembaga ini juga ditugaskan untuk mengadakan rancangan-rancangan latihan supaya mengujudkan tenaga yang terlatih dalam bidang pengurusan dan ternakan ataupun yang berkaitan dengan enterpris-enterpris ternakan. Akhir sekali Lembaga Kemajuan Perusahaan Haiwan Negara dikehendaki mengaturkan rancangan-rancangan kredit supaya memperluaskan lagi perusahaan ternakan di kalangan orang ramai.

Lembaga Kemajuan Perusahaan Haiwan Negara telah membuka lima rancangan daging/tenusu termasuklah satu rancangan yang digunakan bagi pusat latihan pada tahun lepas dan dua rancangan daging/tenusu telah dibuka pada tahun ini. Rancangan-rancangan tersebut semua berjalan mengikut jadual dan akan siap dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua. Selain daripada rancangan-rancangan daging/tenusu itu,

Lembaga tersebut telah membina Rumah Sembelih di Shah Alam serta Pusat Pembahagian Daging di Senawang, Negri Sembilan yang memakan belanja \$12.6 juta. Rancangan ini adalah satu usaha Kerajaan supaya meningkatkan lagi mutu penyembelihan yang ada di Malaysia dan akan menjadi langkah pertama bagi menyediakan perusahaan daging di negeri ini yang bercorak ekspot ke luar negeri. Pada masa sekarang, Lembaga ini sedang menimbangkan beberapa rancangan rumah sembelih serta pengambilan-alih rumah-rumah sembelih yang di bawah tadbiran Perbadanan Kerajaan Tempatan dan sebagainya supaya segala usaha sembelih-menyembelih dipersatukan dan dikawal dengan memuaskan.

Fasal 2 Rang Undang-undang pindaan ini akan menukar nama Lembaga dengan menggunakan perkataan "ternakan", yang didapati lebih sesuai daripada perkataan "perusahaan haiwan".

Fasal 4 memasukkan wakil dari Bahagian Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri sebagai Ahli Lembaga: tujuannya ialah untuk Ahli itu beserta membincangkan bersama-sama dengan ahli-ahli yang lain daripada Badan-badan Kerajaan seperti Perbendaharaan, Kementerian Pertanian dan Perikanan, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan, Bahagian Haiwan, Kementerian Pertanian dan Perikanan dan ahli-ahli tidak rasmi, haluan serta dasar-dasar yang akan diamalkan oleh Lembaga Kemajuan Perusahaan Haiwan Negara. Dengan adanya wakil dari Bahagian Perancang Ekonomi maka Usahahaiwan akan dapat bergerak dengan lebih rapi lagi bagi perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan.

Supaya Lembaga ini menjadi satu badan yang lengkap, kuatkuasa tambahan akan diberi kepada Lembaga Kemajuan Perusahaan Haiwan Negara untuk membolehkannya menjalankan rancangan-rancangan pemasaran dan mengawal pasaran mengenai bahan-bahan pengeluaran perusahaan ternakan di negeri ini. Oleh itu Lembaga ini perlu diberi tugas dan kuasa untuk penguatkuasaan termasuk kuasa untuk menentukan dan mengawal mutu pengeluaran dengan cara perlesenan mereka yang mengambil bahagian dalam perusahaan ternakan dari segi pengeluaran ataupun perdagangannya. Pindaan-pindaan ini didapati di bawah Fasal 5 Rang Undang-undang.



Pada masa ini kuasa berhubung dengan pemasaran bahan-bahan pertanian termasuk bahan-bahan ternakan telah dijalankan oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan di bawah Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan, 1965. Pindaan kepada Akta Lembaga Kemajuan Perusahaan Haiwan Negara ini akan memindahkan kuasa berhubung dengan pemasaran ternakan yang dijalankan oleh FAMA itu kepada Lembaga Kemajuan Perusahaan Haiwan Negara. Dengan pindaan ini hanya satu badan sahajalah yang akan bertanggungjawab atas segala aspek berkenaan dengan pengeluaran dan pemasaran ternakan. Pindaan ini didapati di bawah Fasal 8.

Bahagian ke III Akta yang ada akan diganti dengan Bahagian-bahagian ke III, ke IV dan ke V yang baharu seperti di bawah Jadual kepada Rang Undang-undang, iaitu untuk membuat peruntukan-peruntukan berkenaan dengan.

- (1) Kuasa-kuasa berhubung dengan Penguatkuasaan, memasuki premis, menangkap, mendakwa, menahan dan memeriksa;
- (2) Kesalahan, Penalti dan Pembicaraan;
- (3) Peruntukan Am untuk mengemukakan rayuan, tanggungan tiap-tiap ahli pegawai dan pengkhidmat merahsiakan, perlindungan ahli dan penjawat terhadap pembicaraan dan kuasa-kuasa bagi membuat peratoran.

Tuan Yang di Pertua, saya mohon mendiangkan.

**Tan Sri Temenggong Jugah anak Barieng:**  
Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

**Datuk Tajudin bin Ali (Larut Utara):**  
Tuan Yang di Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Lembaga Haiwan Negara yang telah dimajukan oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian.

Tidak lama lagi mungkin negara kita dalam tujuh lapan tahun lagi akan mempunyai bekalan daging yang mencukupi untuk rakyat jelata dengan sepenuhnya. Kepada pihak Kerajaan dan juga kepada Kementerian ini, saya mengambil peluang mengucapkan ribuan terima kasih dan tahniah kerana mengadakan rancangan secara besar-besaran di lima kawasan iaitu

di Behrang, di Tersat (Trengganu), Jelai (Negri Sembilan) dan Padang Hijau dan Ayer Hitam (Johor) sudah pun memberi hasil yang memuaskan. Dan dengan adanya undang-undang ini sedikit sebanyak akan membereskan urusan itu.

Lembaga ini bukan sahaja tujuan membekalkan daging yang cukup bagi rakyat jelata kita bahkan barangkali dalam 8 tahun atau 10 tahun kita pula menjadi pengeksport bahan-bahan daging dan sebagainya ke luar negeri eksport itu akan mendapat tukaran wang asing dengan memuaskan. Banyak orang tidak berapa mengetahui sebenarnya bahawa negara kita ini sedang mengeluarkan pada tiap-tiap tahun sebanyak \$430 juta barang-barang keluaran ternakan dan ini sangat memperangsangkan kita sekalian dan dengan adanya usaha-usaha yang tegas ini, maka barangkali usaha ini akan setanding dengan pendapatan seperti keluaran padi dan beras bahkan lama-kelamaan akan meningkat menjadi lebih daripada hasil keluaran padi dan beras. Dengan berjalan pesatnya rancangan-rancangan ini, maka akan didapati daging yang banyak dan juga rancangan ini akan memenuhi Rancangan Malaysia Yang Kedua serta memenuhi Rancangan Ekonomi Baru Kerajaan kita sekarang.

Akhirnya, Tuan Yang di Pertua, Lembaga ini akan mengusahakan 35,000 ekar hutan belantara untuk mengusahakan haiwan ini. Saya mengesyorkan kepada Lembaga ini, Tuan Yang di Pertua, kerana tanah yang begini luas barangkali juga tidak digunakan terus-menerus oleh Lembaga ini dengan sekali gus, tetapi berperingkat-peringkat. Saya melihat satu rancangan yang sangat-sangat menarik hati iaitu yang dijalankan oleh Kerajaan Thailand di mana Lembaga mereka itu juga menjalankan usaha hal ehwal haiwan ini besar-besaran. Maka tanah yang belum digunakan oleh Lembaga itu diberi kepada enterprise-enterprise menggunakan tanah itu bercucuk tanam barang-barang yang boleh mendatangkan hasil dan rancangan ini dinamakan Rancangan Tonggia. Rancangan Tonggia ini telahpun memperolehi hasil yang memuaskan di Thailand dan oleh sebab saya diberitahu Lembaga ini membelanjakan wang yang begitu banyak mengusahakan hutan belantara, kerana memberikan tempat kepada usaha ternakan dan mengapa tidak ditawarkan kepada pengusaha-pengusaha

mengusahakan tanah itu bagi sementara waktu, katakan 4-5 tahun untuk menanam kacang tanah ataupun pisang dan sebagainya dan kemudian daripada itu apabila tanah itu sudah dikehendaki oleh Lembaga, maka Lembaga bolehlah ambil kembali dengan cara berunding. Maka saya percaya kalau rancangan ini berjaya di Thailand, maka di sini pun insya Allah dapat berjaya juga. Saya mengesyorkan kepada Kementerian ini supaya usaha yang begitu rupa dijalankan.

Saya sangat-sangat berbesar hati dengan keberanian pihak Kementerian melengkapkan Lembaga ini dengan kuasa melesen dan sebagainya, kerana lesen ini sangat penting dan perlu, Tuan Yang di Pertua, kerana Lembaga ini baru muncul dan kalau dibenarkan private enterprise atau pihak awam bertanding hebat dengan pihak Lembaga tidak dapat tiada saya yakin dan percaya usaha dan tenaga Lembaga ini tidak ada dan akhirnya akan tewas dan wang rakyat jelata akan bertaburan masuk dalam parit sahaja. Maka dengan kuasa melesen ini dan saya syorkan cuma lesen itu satu angka yang kecil, cuma nominal iaitu cuma kuasa hendak memperhatikan gerak-geri orang-orang yang menjalankan perniagaan ini. Maka dengan jalan itu Lembaga ini saya harap dapat mengeluarkan daging yang bermutu tinggi dan orang-orang yang menjual daging-daging itu dengan cara teratur, tidak bergelempangan di merata pasar, bahkan cara moden dan bersih bagi rakyat jelata kita. Saya kurang faham sedikit di sini, iaitu di muka 7, Ceraian 15. (2) (a) yang berbunyi:

“jika ia ada sebab bagi mempercayai bahawa suatu kesalahan di bawah Akta ini atau di bawah mana-mana kaedah yang dibuat di bawahnya telah dilakukan dan pembicaraan jenayah telah dimulakan terhadap mana-mana orang berkenaan dengan kesalahan itu, ia boleh menyimpan saya repeat—ya, boleh menyimpan ternakan atau keluaran ternakan itu sehingga pembicaraan jenayah itu selesai.”

Maknanya exhibit itu orang salah simpan. Saya kalau bercakap banyak di atas perkara ini orang nanti tuduh saya loyar buruk. Salah itu mesti ada perkaranya. Jadi, exhibit itu bukannya Lembaga yang memegang bahkan orang yang dituduh memegang. Kalau dia bakar, dibuang masuk laut macam mana

kita hendak menjalankan pembicaraan? Saya harap Kementerian dapat memberi penjelasan di atas perkara ini.

Selain daripada itu, saya sokong juga supaya anggota daripada E.P.U. duduk dalam Lembaga ini kerana dalam Rancangan Malaysia Yang Kedua ini Lembaga akan diongkosi dengan wang sebanyak \$26.6 juta. Ini besar sangat, satu angka yang begini besar dan kalau tidak ada seorang pakar daripada E.P.U. duduk bersama dalam Lembaga ini, barangkali di mana-mana pemandangan yang tidak tepat dan sesuai tidak dapat dijalankan.

Jadi, saya sokong kuatlah supaya wakil daripada E.P.U. itu tinggal bersama dan duduk bersama-sama dalam Lembaga ini.

Saya berfikir itu sahajalah pandangan saya, Tuan Yang di Pertua, dan saya sekali lagi menyatakan sokongan saya dan saya mengalu-alukan dan sekali lagi saya tahu Yang Berhormat Menteri Pertanian sangat mengambil berat di atas hal ini dan saya tahu sendirian iaitu Menteri sendiri selalu sahaja melawat ke semua rancangan itu dari satu ketika ke satu ketika melihat supaya rancangan ini berjalan dengan baik dan teratur.

Saya menyokong Rang Undang-undang ini.

**Tuan Haji Ahmad bin Arshad (Muar Utara):** Saya bangun memberi sokongan kuat atas Rang Undang-undang pindaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada Kementerian Pertanian ini. Dalam pada itu Yang Berhormat Datuk, saya ingin memberikan pendapat-pendapat atas apa hujah yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dan juga yang ada kaitan dengan Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita ini.

Tuan Yang di Pertua, menurut pendapat saya bahawa Kerajaan memang ada memberikan pertolongan, memberikan latihan berhubung dengan ternakan dalam negeri ini tetapi belum begitu sempurna. Ini kaitan hidup rakyat di kampung-kampung mereka mempunyai ternakan dengan cara kecil-kecilan dan tidak begitu memuaskan. Tetapi dengan adanya Rang Undang-undang ini dan dengan adanya Kerajaan mengadakan Lembaga Kemajuan Perusahaan Haiwan Negara ini, satu usaha kemuncak yang patut

semua penternak dalam tanahair kita ini memberi terima kasih dan penghargaan kepada Kerajaan. Saya mengharapkan Lembaga ini patut memerhatikan tiga perkara yang ada kaitan dengan ternakan ini. Sebab ternakan ini, walaupun kita berkehendakkan hasil kepada negara, tetapi kita mesti memikirkan ada satu menafaat yang lain akan diberikannya kepada rakyat negeri kita ini iaitu dapat memakan daging, dapat minum susu dan telur daripada ternakan itu.

Selain daripada usaha yang dibuat oleh Lembaga ini, selain daripada susu, daging, dan telurnya tadi, saya mengharapkan Lembaga ini akan memerhatikan juga najis-najis binatang ternakan ini supaya kita olah, proses dijadikan baja yang boleh digunakan untuk pertanian kita. Jadi ini satu keuntungan yang besar kepada Lembaga ini menambah penghasilannya.

Tuan Yang di Pertua, rakyat memang tertarik hati dalam masalah ternakan ini, tetapi yang menjadi rusing pada rakyat ialah berhubung dengan penyakit-penyakit yang menyerang ternakannya, terutama sekali penyakit-penyakit yang hebat. Jadi dengan keadaan ini kalau diserangnya ternakan-ternakan mereka, mereka keciwa dan tidak dapat menambah lagi dan mengusahakan lagi dalam bidang ini. Saya harap Lembaga dan Kementerian ini akan memerhatikan supaya memberi latihan, seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi telah mengadakan latihan yang tertentu. Saya harap latihan ini menyeluruh kepada semua ahli-ahli penternak kita dalam tanahair ini supaya diberikan latihan atas setakat mana, samada latihan lanjutan ataupun latihan secara ringkas yang ada kaitan dengan ternakan. Sebab kalau diusahakan berbagai-bagai kemajuan bagi pihak penternak tidak ada ilmu pengetahuan dalam perkara ini, maka segala rancangan yang hendak membaiki taraf hidup atau hendak menambahkan taraf hidup penternak kita ini tidak akan berjaya dan juga akan gagal rancangan-rancangan Kerajaan.

Saya memberikan satu perhatian bahawa jangan hendaknya lembaga ini hanya setakat hendak memajukan kepada rancangan yang lima atau rancangan yang telah dikemukakan oleh Lembaga ini, tetapi kita patut memikirkan samada memberikan wang terus kepada perternak-perternak kita dengan kita memulihkan semua kawasan padang ragut yang

ada dalam tanahair kita ini. Padang ragut itu maksud saya padang kerana ternakan, samada ternakan itu ternakan lembu, kerbau, kambing atau babi. Dengan keadaan ini kita pulihkan, kita boleh memberi pertolongan pada mereka kalau kita berikan pinjaman tentu sukar dalam masaalah cagaran-cagaran tetapi cara kredit yang patut diberi itu ternakan itu kita beri percuma kepada mereka dengan cara banyak bukan dengan cara dua tiga ekor seperti sekarang kita berikan berpawah. Dengan keadaan macam ini, dapatlah penternak kita ini mengubah cara hidupnya daripada dapat cara-cara hidup yang ada sekarang bertani, tetapi dia boleh hidup dengan penternak yang boleh memewahkan hidupnya pada masa yang akan datang.

Saya, selain daripada itu, lembaga ini akan mengambil pusat-pusat penyembelihan. Ini juga saya harap, saya berikan amaran dengan lembaga ini, bahawa pusat-pusat penyembelihan yang hendak diambil itu hendaklah diakui bahawa daging-daging yang dikeluarkan dan yang akan dipasarkan daripada lembaga ini hendaklah daging itu diakui sah dan halal di sisi agama Islam. Jadi dengan keadaan seperti ini umat-umat Islam tidaklah ragu-ragu memakan daging-daging yang dikeluarkan oleh Lembaga ini. Jadi pada umat yang bukan Islam tidak ada kaitan, asalkan daging yang dikeluarkan disembelih cara Islam, tidak disembelih cara Islam pada mereka itu adalah sama. Tetapi pada orang Islam ada berbeza sedikit. Saya tidak berkehendakkan sah oleh pusat penyembelihan itu, saya menghendaki diakui sah oleh fatua daripada Jabatan Ugama Negeri ini bahawa daging yang dikeluarkan oleh pusat penyembelih ini halal di sisi Islam dan daging ini juga kita boleh export ke negara-negara Islam. Jadi setakat itulah sahaja, Tuan Yang di Pertua. Saya menyokong Rang Undang-undang ini.

**Datuk Dr Haji Abdul Aziz bin Omar (Tumpat):** Tuan Yang di Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang yang dikemukakan ini.

Cadangan hendak menukarkan nama daripada Lembaga Haiwan kepada Lembaga Ternakan adalah satu cadangan yang bijak dan sesuai. Kerana perkataan haiwan itu adalah satu perkataan yang mengandungi makna tersangat luas. Kucing pun haiwan, harimau pun haiwan, musang dan buaya pun

haiwan, kera dan berok haiwan juga. Tugas Lembaga ini ialah memajukan perusahaan memelihara lembu, kerbau, kambing dan sebagainya yang dikenalkan sebagai binatang-binatang ternakan. Maka oleh sebab yang demikian eloklah dinamakan Lembaga ini Lembaga Ternakan atau dengan sepenuhnya Lembaga Kemajuan Ternakan Negara.

Tuan Yang di Pertua, kita telah diberi ketahui bahawa Malaysia sedang mengimpot daging-daging untuk dimakan sebanyak \$16 juta setahun dan susu serta makanan-makanan yang mengandungi susu sebanyak \$80 juta setahun. Sungguhpun begitu banyak bahan-bahan makanan ini diimport dengan menelan belanja hampir-hampir \$100 juta. Animal protein yang dimakan oleh rakyat Malaysia tidak mencukupi untuk memberi kecergasan tubuh badan dan akal fikiran—physical and mental energy. Oleh sebab yang demikian, wajiblah bagi Kerajaan menambah bahan-bahan makanan ini untuk menggalakkan rakyat melebihi penggunaannya. Kerajaan boleh mencapai maksud ini dengan dua perusahaan.

Yang pertama, melebihi import daging dan susu. Ini sudah tentu akan merugikan matawang negeri kita.

Yang kedua, menggalakkan rakyat sendiri mengambil bahagian di dalam perusahaan penternakan lembu, kerbau dan sebagainya. Dengan perusahaan ini diharapkan daging dan susu akan menjadi murah dan akan membolehkan lebih banyak rakyat membelinya. Dengan tujuan ini Kerajaan telah menubuhkan Lembaga Ternakan Negara untuk memberi pimpinan kepada rakyat di dalam lapangan ini. Sungguhpun Lembaga Kemajuan Perusahaan Haiwan Negara telah ditubuhkan, akan tetapi didapati dengan undang-undang yang telah diluluskan itu pergerakan Lembaga ini adalah terhad dan tidak dapat memberi faedah yang besar kepada rakyat Malaysia. Dengan sebab itu, pindaan-pindaan telah dibuat kepada Akta yang telah diluluskan itu. Dengan adanya perubahan yang dicadangkan di dalam Rang Undang-undang baharu ini, yang memberi kuasa kepada Lembaga ini bagi mengadakan peraturan mengenai pemasaran ternakan dan keluaran khususnya dengan jalan melesen penjualan borong, penjualan runcit, memproses, pengimpot dan pengeksport dan lain-lain lagi yang disebutkan di dalam Rang

Undang-undang ini di muka 3 dan 4, maka saya yakin sedikit sebanyak kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh Lembaga ini akan dapat diatasi dan Lembaga ini bergerak maju.

Berkenaan dengan teguran-teguran yang telah dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara berkenaan dengan pusat penyembelihan yang sekarang ini dibina di Shah Alam, maka saya beranilah memberikan jaminan kepada beliau bahawa apabila siap pusat penyembelihan ini kita akan jemput alim-ulama dan sebagainya untuk menyelidik, memeriksa dan menentukan bagaimanakah cara menyembelih itu dibuat dan akan memberi kepuasan hati kepada semua orang-orang Islam dalam Malaysia ini.

Juga disebutkan tadi patut sangat najis yang datang daripada ternakan-ternakan itu digunakan sebagai baja. Inipun saya telah diberitahu ada di dalam rancangan ini dan satu daripada cawangan proses-proses yang akan diadakan di Pusat Menyembelih itu ialah menjadikan najis-najis dan sebagainya satu daripada fertilizers.

Lagi satu disebutkan bahawa training patutlah diberi kepada mereka yang berminat di dalam perusahaan memelihara binatang-binatang yang disebutkan tadi. Suka juga saya beri tahu kepada Yang Berhormat itu iaitu di Kluang atau lebih tepat lagi di Ayer Hitam, satu kawasan yang luas telah disediakan untuk memberi latihan-latihan kepada mereka yang berminat dan saya percaya tidak berapa lama lagi lebih kurang 30 hingga 40 orang akan diberi latihan di situ. Dan saya diberi tahu bahawa latihan di sini bukanlah latihan secara teori sahaja, mereka ini dikehendaki bertungkus-lumus dengan lembu kerbau yang ada di situ daripada siang hingga malam. Selepas mereka ini mendapat latihan selama 3 bulan, mereka akan dihantar ke rancangan-rancangan yang lain untuk menjadi pelatih-pelatih di sana. Maka inilah rancangan-rancangan yang telah disediakan oleh Kerajaan. Maka dengan itu, Tuan Yang di Pertua, saya adalah menyokong Rang Undang-undang ini.

**Tuan Latip bin Haji Dris (Mukah):** Tuan Yang di Pertua, saya bangun bersama-sama mengambil bahagian bagi menyokong Rang Undang-undang ini.

Saya ucapkan setinggi-tinggi terima kasih di atas segala usaha yang dibuat oleh Kerajaan Pusat bagi memajukan segala

lapangan perusahaan yang telah ada dan berjalan dengan begitu lancar bagi faedah rakyat dan negara seluruhnya. Walaupun kita telah ada bermacam-macam nama jenis lembaga kemajuan di negara kita ini, samada di Semenanjung Malaysia dan tidak juga ketinggalan di Sarawak dan Sabah.

Pada hari ini pula timbul satu nama Lembaga Kemajuan Ternakan Haiwan Negara.

Baharu-baharu ini seperti diketahui iaitu di Bahagian Keempat, negeri Sarawak satu kawasan, jika saya tidak silap, seluas 3,000 ekar akan dibuka bagi tempat ternakan kerbau dan lembu. Ini sudah tentu mendapat sambutan yang baik dari rakyat dan Kerajaan Negeri Sarawak. Kami di negeri Sarawak sangat memerlukan segala ternakan haiwan termasuk ayam dan itik. Daging-daging dan telur di negeri Sarawak adalah masih berkurangan dan harganya pula jauh lebih mahal dari Semenanjung Malaysia. Misalnya daging lembu sekarang berharga \$4.20 satu kati, itupun bukannya ada pada tiap-tiap hari, lebih-lebih lagi di pekan kecil luar-luar bandar. Dalam satu bulan jarang ada sekali penjualan daging lembu atau kerbau. Telur-telur ayam juga kadang-kala berharga sampai 20 sen satu biji. Negeri Sarawak adalah bergantung kepada lembu untuk daging yang dibawa dari luar negeri, kecuali Bahagian Kelima negeri Sarawak sahaja yang boleh dikatakan mencukupi daging kerbau serta harganya murah sedikit dari pekan-pekan yang lain, walaupun tidak ada pada tiap-tiap hari daging itu.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun pihak kerajaan seperti Jabatan Pertanian Negeri Sarawak memberikan galakkan bagi penternakan lembu yang dikatakan Pawah Scheme, biasanya diberikan kepada sekumpulan kecil rakyat yang mempunyai tanah untuk tempat ternakan tersebut. Biasanya 11 ekor lembu bagi satu unit termasuk satu ekor lembu jantan yang berjenis baik untuk seramai 10 orang rakyat yang mengambil bahagian di dalam bidang ternakan itu. Dan ada juga lembu-lembu jantan untuk benih dijual dengan harga yang murah kepada rakyat yang telah sedia ada menternakkan lembu cara kecil sahaja yang diantara 5 sampai 10 ekar bagi mendapatkan benih yang besar dan baik. Kerbau juga ada dijual dengan harga yang murah oleh Jabatan Pertanian bagi membantu peladang padi untuk dipakai

membuat sawah serta ditenak oleh rakyat yang patut diterima bantuan seperti itu, samada di kampung-kampung atau kawasan-kawasan hulu dan rumah-rumah panjang. Selain daripada bantuan lembu dan kerbau ada juga bantuan bagi menternak babi kepada rakyat yang boleh menternakkannya.

Ternakan anak-anak ayam juga diberi bantuan untuk mendapatkan telur dan dagingnya. Bagi pihak Kerajaan Pusat mahu-pun Kerajaan Negeri Sarawak telah sedar betapa pentingnya ternakan haiwan di negara ini. Mengikut bantuan yang telah diberi oleh pihak-pihak kerajaan Pusat yang saya katakan itu adalah baik, walaupun belum boleh mengatasi masalah kekurangan daging lembu dan kerbau di Negeri Sarawak. Kita menaruh harapan bagi Lembaga Kemajuan Ternakan Negara selepas dikuatkuasakan Akta ini mengambil langkah-langkah yang lebih berkesan lagi bagi memajukan ternakan haiwan bagi mendapatkan daging yang cukup untuk rakyat seluruhnya sejajar dengan nama Lembaga Kemajuan Ternakan Negara itu sendiri.

Saya juga merayu kepada Lembaga ini supaya perhatian diberi kepada bahagian-bahagian yang lain di negeri Sarawak seperti diberi kepada bahagian Keempat untuk tempat kawasan ternakan Lembu dan kerbau dan sebagainya secara besar-besaran, supaya negara Malaysia bukan sahaja cukup bagi keperluan sendiri bahkan boleh menjadi salah satu negara yang boleh mengeksport daging kepada negara-negara lain di dunia ini, seperti yang dimaksudkan lembaga itu sendiri.

**Tuan Haji Shafie bin Abdullah (Baling):**  
Tuan Yang di-Pertua, di dalam menyatakan sokongan saya terhadap Bil yang dikemukakan untuk mengadakan sebuah Badan khas yang dinamakan Lembaga Kemajuan Perusahaan Haiwan Negara.

Saya sangat yakin Badan ini akan merupakan satu kemajuan yang baharu kepada bumiputra di kampung-kampung.

Saya ingin mengesyorkan beberapa perkara supaya Kerajaan atau Badan ini menjadi penggalak kepada orangramai dalam bidang ternakan, iaitu pertamanya, sudah sepatutnya Badan ini atau pihak Kerajaan menggalakkan orangramai terutama sekali orang-orang di luar bandar mengadakan

enterprise bersendirian. Oleh kerana kita ke-  
dapatan pada hari ini di kampung-kampung  
ataupun di luar bandar banyak orang-orang  
bumiputra kita yang belum nampak bahawa  
usaha ini adalah satu usaha yang sangat baik  
dan sesuai bagi mereka untuk memajukan  
dan boleh menguntungkan dan berfaedah.

Pada hari ini, pihak orang di luar bandar  
hanya menjalankan usaha-usaha ini dengan  
tidak mendapat nasihat yang baik, nasihat  
yang teratur. Jadi sudah sampailah masanya  
pihak Kerajaan atau Badan ini bersungguh-  
sungguh menjalankan kerja-kerja ataupun  
usaha-usaha ini.

Yang keduanya, selain daripada itu, Badan  
ini diharapkan akan membuat satu tugas  
yang lebih kuat lagi untuk memberikan ke-  
mudahannya nasihat dan juga memberi bahan-  
bahan seperti lembu-lembu dan kerbau-  
kerbau baka yang boleh meninggikan  
keadaan-keadaan taraf kerbau dan lembu di  
kampung-kampung ataupun dibela oleh  
orang-orang di luar bandar.

Yang ketiga, saya suka juga mengesyor-  
kan pihak Badan ini akan berhubung dengan  
Kerajaan Negeri bagi membuat satu undang-  
undang memberi kelonggaran bagi memberi  
tanah ataupun tanah-tanah hutan yang ada  
mempunyai padang rumput umpamanya  
kepada pihak-pihak yang suka hendak mem-  
buat perusahaan ternakan begini. Dan  
kelonggaran ini biarlah dengan tidak ada  
sekatan ataupun dengan tidak memberi  
kesukaran kepada orang-orang yang hendak  
menjalankan usaha-usaha yang tersebut itu.

Yang keempat, suka juga saya mengesyor-  
kan supaya pihak perbadanan ini akan  
mengambil banyak belia-belia di luar bandar  
untuk dilatihkan di dalam bidang ini, dan  
dengan cara begitu, maka dapatlah kita  
mengurangkan bilangan pemuda-pemuda  
atau belia-belia kita yang menganggur di  
kampung-kampung dan digalakkan belia-  
belia ini yang suka di dalam usaha yang  
boleh dibuatkan di kampung mereka sendiri.

Saya dapat membayangkan kepada  
Dewan ini iaitu dalam masa ke hadapan  
yakni dalam tahun 2,000 yang akan datang  
ini kita akan mempunyai banyak rancangan  
umpamanya dikampung-kampung yang akan  
dikelolai oleh orang-orang di luar bandar  
khususnya orang-orang Melayu yang mem-  
punyai kerbau lembu atau ternakan ber-  
puluh-puluh bukan sahaja seekor dua

sebagaimana sekarang ini. Kalau Kerajaan  
mempunyai tujuan begitu, maka saya rasa  
Lembaga Kemajuan Perusahaan Haiwan  
Negara ini akan mencapai matalamat untuk  
meninggikan taraf hidup orang-orang di luar  
bandar.

**Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail  
(Perlis Selatan):** Tuan Yang di-Pertua, saya  
bangun menyokong Rang Undang-undang  
ini. Di samping itu, saya sukalah mendatang-  
kan beberapa pandangan dan fikiran ber-  
kenaan dengan Rang Undang-undang ini.

Rang Undang-undang ini jikalau kita baca  
daripada awal sampai akhirnya tidak siapa  
yang menafikan bahawa ini adalah satu Rang  
Undang-undang yang paling baik sekali bagi  
negara kita. Dan Rang Undang-undang ini  
juga kita tengok pindaan demi pindaan dari-  
pada satu masa ke satu masa. Menjelang  
tahun hadapan kita pinda pula. Saya ber-  
harap sebelum kita hendak mengadakan satu  
rancangan yang begitu besar, maka musta-  
haklah sekali kita kaji dengan sehalus-halus-  
nya dengan teliti supaya undang-undang kita  
buat itu janganlah dipinda dari satu masa ke  
satu masa.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-  
undang ini sudah tentu memakan banyak  
wang rakyat untuk menjalankan rancangan  
ini. Dan rakyat juga tentulah bertanya,  
adakah rancangan ini kelak akan berjaya  
dengan begitu memuaskan sebagaimana  
banyak wang yang telah kita belanja dalam  
rancangan ini. Di masa yang lalu kita pernah  
dengar rancangan ternakan ini ada juga  
keciwa yang menelan begitu banyak wang  
rakyat. Dan saya sukalah menarik perhatian  
Kementerian ini berkenaan dengan keadaan  
negara kita. Kita adalah sebuah negara yang  
bersempadan dengan Thailand, dan negeri  
Thailand banyak ternakan-ternakan dan  
boleh jadi, kalau kita tidak begitu berjaga-  
jaga dan petani-petani kita letakkan  
rancangan ini di tempat yang begitu ber-  
hampiran dengan Thailand, maka akibatnya  
kita akan menerima sebagaimana keadaan  
yang ada pada hari ini iaitu sejenis penyakit  
yang mana pihak Kementerian atau pihak  
Jabatan Haiwan sendiri tidak dapat hendak  
menghapuskan yakni tidak dapat mengatasinya,  
cuma yang boleh mengatasinya ialah  
bunuh sahaja. Kalau lembu atau kerbau itu  
sakit kuku, sakit mulut, hukumannya tembak.  
Jadi apa akan jadi? Kalau penyakit-penyakit

yang semacam ini terkena kepada rancangan-rancangan kita yang besar, maka wang yang kita belanja yang begitu banyak akan sia-sia sahaja. Sudahlah binatang sakit, Tuan Yang di Pertua, manusia pada menentang, tidak boleh makan daging dalam negeri Perlis, hukumannya ialah daging tidak boleh dimasak. Apakah ini semua? Sudahlah binatang sakit, lembu yang hendak didatangkan dari Thailand; tak usahkan daging hendak di bawah masuk dari Thailand, daging daripada Persekutuan ini pun tidak boleh masuk kesana. Ikan yang 20 sen sekati sudah jadi 60 sen, begitu juga ayam yang dahulunya boleh dapat 90 sen sekati sekarang ini sudah naik \$1.80 sekati. Begitulah keadaannya sekarang. Ini satu rancangan yang kecil, belum lagi besar sebagaimana yang dirancangan di dalam Rang Undang-undang ini. Saya berharap dan merayu kepada pihak yang berkenaan yang akan menjalankan rancangan ini supaya berhati-hati semuga rancangan kita jangan keciwa kelak. Pilihlah tempat-tempat yang sesuai yang jauh daripada sempadan, sebab kita tidak boleh kawal. Sempadan kita dengan Thailand adalah satu sempadan yang besar, lembu kerbau diseludup masuk setiap masa, jadi kita tidak dapat hendak mengawanya, maka tidak dapat tidak penyakit-penyakit itu akan terkena juga kepada rancangan ini.

Itulah sahaja pandangan saya dan saya berharap pihak Kementerian ini akan mengambil satu peringatan apa yang telah saya terangkan di dalam Dewan ini.

**Datuk James Wong Kim Min:** (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I notice that this Amendment is called for only one year after the original legislation has been passed. The original legislation was a fine piece of legislation. But obviously not enough thought had gone into it, so much so that we have to make an amendment now only one year later. But I hope that this Amendment which is made now will make this organisation an effective one.

Now, Mr Speaker, Sir, if I may here refer to Clause 5, Sub-clause (k), which says:

“to carry out all the activities which appear to it to be requisite, advantageous or convenient for or in connection with the discharge of its functions, including operations of animal productions and fodder production. . . .”

Mr Speaker, Sir, I believe that this particular clause probably conflicts with some other authorities in this connection. Am I to understand—probably the Honourable Minister in his reply would be able to give a clarification—that this particular Authority will be able to encourage the production of beef and cattle?

Mr Speaker, Sir, the price of beef, in particular, throughout the world is increasing day by day. In fact, there has been a very, very sharp increase in the six months, so much so that I was reading in the newspapers a few days ago that housewives in Australia, one of the biggest cattle producing countries in the world, have gone on strike against the high prices of beef. This, I think, is a lesson for us, Mr Speaker, Sir. We in Malaysia, in our Second Malaysia Plan, have as one of our main objectives the raising up of the standard of living of our people which means of course, giving of more proteins and higher-protein food to our population. Now, I wonder whether Honourable Members have given a thought to this—why in Malaysia, with so much available land, both highland and lowland, we have still to import beef and cattle, particularly from Thailand and elsewhere? Why can't we, Mr Speaker, Sir, be self-sufficient in our beef and have more to export? Obviously something must be wrong. Probably not enough research has gone into it. This is by no means, Sir, to belittle the fact that the Government has done something to help the people, for instance, under the Pawah Scheme. But let us be frank about it. The Pawah Scheme although it has helped some rural people, has had indifferent success so far; in fact, there have been abuses also of the Pawah Scheme by some unscrupulous people. So, the Pawah Scheme actually has not solved our problem except to distribute some cattle here and there; and if one chooses to go round the country, he will see some cattles, which have only skin and bones, no meat in them at all. Mr Speaker, Sir, we have to be more realistic in our approach to this particular problem.

Firstly, we have to appreciate the fact that the population of the country should have more proteins. One of the best ways to have more proteins is that we should have enough cattle and buffaloes ourselves and other domestic animals in the country, so that everybody has a fair share of proteins. But how do

we go about it? So far we have only beaten around the fringes and not enough sustained effort has gone into beef production. In this respect, Sir, I would make a suggestion here, that the Government of Malaysia should provide incentives to the people to really find out how capable this country can rear cattle scientifically. For instance, Northern Australia has been very successful in rearing cattle there and, as some Honourable Members have pointed out, in Thailand too they have been successful in breeding cattle. We could learn something from them. We would probably be also able to learn something from Denmark about a more intensive form of cattle farming. We have got one of the highest rainfalls in the world, and there is no reason why we should be unable to grow all the fodders that is needed for our cattle. But I think the trouble is that there has not been sufficient incentive, or sufficient effort made in this particular direction. In this respect, I would recommend to the Government to give serious thought to the fact that why not invite some cattle breeders from the neighbouring countries which have been successful in breeding cattle to come here so that they and the Government Corporation can come together and form a joint venture scheme to find out whether cattle can be bred in this country, and can be bred economically.

I can also see the price of meat will go up and will not come down very much. In fact, cattle should and could now be one of the best forms of subsidiary "crops" that we can export out of the country. I see absolutely no reason, why this cannot be done. We have got some very good highlands in the country which could be converted into very good cattle breeding lands. We have very good low-lands in the country and swamps which are quite useless for other things but which could be converted and used for the breeding of buffaloes. In this respect I would recommend very strongly that the Government should look into this question of sustained and scientific cattle farming and at the same time provide incentives of land for entrepreneurs to show a better way of growing cattle so that if they are successful the system they have practised could be adopted by the smallholders and the rural farmers in the country, either through cooperatives or other form of joint venture efforts among the smaller farmers who will benefit by this

experiment. I am not suggesting that this should only benefit the so-called cattle tycoons, but let them show that their methods could be beneficial to the smallholders to emulate.

Mr Speaker, Sir, I am very pleased to see that the Sarawak Government has finally decided to go into a 3,000-acre cattle breeding station in the Fourth Division and I hope they will be very successful in this. I hope too that not only in Sarawak but also in other parts of the States of Malaysia this pilot scheme could be tried out so that each could learn from the other. But the sooner we get on this, Sir, I believe, the better.

The Honourable Member for Mukah has said that the Fifth Division is self-sufficient in cattle. It used to be self-sufficient Sir, about 13 years ago or 20 years ago. We had a surplus even to export, but today I am sorry to say that the Fifth Division and Limbang in particular do not have enough cattle even for their own consumption. Probably they slaughter about 12 buffaloes a month for the whole town and we only get buffalo meat in the town about 3 days in a week. So, I think that is not a very satisfactory state of affairs.

Before I sit down, Sir, I will make a plea here once again: let this Corporation be the spearhead and this Corporation be staffed with people who know their jobs and let this Corporation be not complacent, but let it accept the challenge to make Malaysia not only breed enough cattle for her own consumption but also to export meat all over the world.

**Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar:** Tuan Yang di Pertua, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan-pandangan dan pendapat pendapat yang sangat baik, semuanya sekali boleh saya katakan telah memberi sokongan yang sepenuh-penuhnya atas Pindaan Rang Undang-undang ini dan saya mengucapkan berbilang terima kasih kerana perhatian dan ingatan yang telah disampaikan kepada Dewan ini berhubung dengan Pindaan Rang Undang-undang ini.



Sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa usaha haiwan ataupun Rang Undang-undang Perlembagaan Haiwan ini yang telah berjalan sementara ini adalah mempunyai 3 tujuan yang besar:

- (i) untuk mempercepat lagi perkembangan perusahaan ternakan, khasnya ternakan daging dan tenusu;
- (ii) supaya perusahaan ternakan boleh memainkan peranan yang lebih berkesan bagi mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru Kerajaan; dan
- (iii) menambah pengeluaran tempatan bagi hasil-hasil ternakan untuk mencapai keperluan negara dan matlamat-matlamat lain seperti menyelamatkan wang tukaran luar negeri.

Di dalam menciptakan 3 daripada tujuan besar ini maka tugas-tugas telah diatitkan yang mengandungi.

- (a) menggalak dan memajukan pengurusan yang cekap dan berkesan mengenai enterprise-enterprise ternakan dan keluaran ternakan;
- (b) mengada, mengurus dan menyenggara-kan rumah sembelih;
- (c) mengada dan menyeliakan kemudahan-kemudahan kredit keluaran ternakan dan bagi memastikan supaya kemudahan-kemudahan itu digunakan sepenuhnya; dan
- (d) mengambil bahagian di dalam enterprise-enterprise ternakan, keluaran ternakan termasuk perusahaan dan proses haiwan.

Masaalah ini, Tuan Yang di Pertua, ialah untuk membolehkan lembaga ini boleh menjalankan perniagaan dan memasarkan hasil-hasil ternakan dan juga hasil-hasil daripada proses-proses yang akan didirikan oleh lembaga ini, yakni bagi mengadakan rumah sembelih yang akan diadakan di Shah Alam dan juga untuk mengisi dan memajukan semua padang-padang ternakan ataupun

tempat-tempat ternakan yang telah disusun dan diatitkan sebanyak 7 buah tempat yang mengandungi beberapa tempat. Diantaranya ialah di Behrang; Ulu Perak, Perak; Rancangan di Jelai Gemas, di Negeri Sembilan; Rancangan Tersat, Ulu Trengganu; Rancangan Padang Hijau di Johor Bahru; Rancangan Bukit Peninjau di Sarawak; Rancangan di Keratong, Pahang Tenggara; Rancangan Daging Tenusu di Pusat Latihan Ayer Hitam, Johor Bahru.

Selain daripada mengisi keperluan-keperluan untuk membesarkan ternakan ini dengan cara perusahaan besar-besaran, maka juga akan mengadakan rumah-rumah sembelih sebagaimana yang telah saya terangkan pada mula-mula tadi yang mana diharapkan bahawa lembaga ini akan dapat memproses jumlah haiwan-haiwan yang akan dapat disembelih di Shah Alam merupakan taraf antarabangsa, yakni rumah sembelih yang paling baik sekali di seluruh Malaysia dan daging-daging yang akan dikeluarkan daripada usaha haiwan di Shah Alam daripada rumah sembelih ini adalah diberi jaminan halal daripada segi orang Islam. Ini bagi mengurangkan kebimbangan Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara kerana lembaga ini telahpun membincangkan dengan Datuk Mufti Besar, Negeri Selangor dan beliau akan menasihatkan cara mana dan akan memberi nasihat dan di tanggung halal.

**Tuan (Timbalan) Yang di Pertua:** Masa sudah cukup. Yang Berhormat boleh sambung jawapan itu pada hari esok.

**Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar:** Terima kasih.

**Tuan (Timbalan) Yang di Pertua:** Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*